

BAB 3

PERSAINGAN ANTARA SPESIES DALAM NOVEL

3.0 PENGENALAN

Bab ini menganalisis persaingan antara spesies dalam karya-karya penulis Sarawak terpilih dikupas berdasarkan kategori persaingan interspesies dan persaingan intraspesies. Persaingan interspesies dalam analisis ini terdiri daripada persaingan antara manusia dan manusia, dan persaingan antara alam dengan alam. Walau bagaimanapun, untuk persaingan interspesies, kajian ini hanya akan menganalisis persaingan yang wujud antara manusia dan manusia sahaja kerana tidak terdapat kehadiran unsur persaingan antara alam dan alam dalam semua novel kajian.

Persaingan intraspesies pula terdiri daripada persaingan antara manusia dan alam, dan manusia dan Tuhan atau kuasa supernatural. Klasifikasi ini digambarkan seperti berikut;

Rajah 2.4 : Komponen Persaingan Antara Spesies dalam novel Penulis Sarawak



3.1 PERSAINGAN ANTARA SPESIES DALAM NOVEL KAJIAN

Berdasarkan analisis terhadap novel-novel kajian, terdapat dua bentuk persaingan antara spesies ditemui iaitu persaingan intraspesies dan persaingan interspesies.

3.1.1 Persaingan Intraspesies

Dalam kajian ini, persaingan intraspesies melibatkan persaingan antara manusia dan manusia, dan persaingan antara alam dan alam. Walau bagaimanapun, kajian ini akan menganalisis tentang persaingan intraspesies yang wujud antara manusia dan manusia sahaja yang dipecahkan kepada dua iaitu; persaingan antara masyarakat peribumi dan masyarakat luar, dan persaingan antara penjajah dan masyarakat tempatan.

3.1.1.1 Persaingan Antara Manusia dan Manusia

Ekologi mengkaji hubungan spesies dan habitat, kritikan eko pula melihat aktiviti menyalahi undang-undang persekitaran melalui fakta yang diserlahkan dalam karya (Howarth,1994). Manusia saling bersaing untuk memenuhi keperluan dan kehendak masing-masing. Persaingan akan timbul apabila wujud jumlah ahli yang ramai tetapi merebutkan satu posisi atau kepentingan. Golongan yang kuat akan memenangi persaingan, manakala golongan yang lemah akan tersingkir. Persaingan antara manusia dan manusia akan dianalisis mengikut kategori berikut;

1. Persaingan antara peribumi dan masyarakat luar
2. Persaingan antara penjajah dan masyarakat tempatan

3.1.1.1.1 Persaingan antara Peribumi dan Masyarakat Luar

Istilah peribumi merujuk kepada tahap budaya yang tercicir, iaitu keadaan sosial sekelompok manusia yang serba kekurangan dalam bidang ilmu, terutamanya dalam bidang sains asas dan teknologi. Masyarakat peribumi dikatakan daif kerana tidak berfikiran saintifik. Kedaifan dalam bidang itu memberi impak menyeluruh. Walaupun begitu, mereka sebenarnya mempunyai pendedahan dan pengetahuan yang tinggi tentang alam sekitar berasaskan pengetahuan empiris dalam dunia lingkungan hidup yang bersifat fungsional. Justeru itu, ia bersifat sains dan gunaan (Hood Salleh, 2004). Kemahiran ini membantu mereka memenuhi keperluan asas. Hutan merupakan persekitaran (ekologi) mereka. Perpindahan daripada persekitaran hutan boleh menyebabkan masalah dalam penyesuaian kehidupan mereka (Ma'Rof Redzuan & Zahid Emby, 2008).

Mengikut Perkara 161A Fasal (6), Perlembagaan Malaysia, berkaitan Kedudukan istimewa anak negeri Negeri Sabah dan Sarawak, peribumi atau bumiputra diertikan sebagai anak watan asal atau natif dan ini merujuk kepada orang Melayu, orang Asli dan peribumi di Sabah dan Sarawak. Di Sarawak, peribumi merupakan seorang warganegara Malaysia yang tergolong dalam salah satu kumpulan etnik seperti Iban, Bidayuh, Melayu, Melanau, Murut/Lun Bawang, Kenyah, Kelabit, Kayan, Bisaya, Punan, Penan dan kumpulan kecil yang lain. Pembahagian secara kasar bagi masyarakat peribumi di Sarawak melalui empat kumpulan etnik utama iaitu Bidayuh, Iban, Melayu dan Melanau dan 10 lagi kumpulan etnik di bawah kategori lain-lain.

Seksyen 3 dalam *Sarawak Interpretation Ordinance* mengatakan bahawa

“masyarakat asli” (native) di Sarawak adalah: *“a citizen of Malaysia of any race which is now considered to be indigenous to Sarawak as set out in the Schedule”*. Mengikut tafsiran ordinan ini, kaum-kaum berikut serta sebarang campuran di antara satu sama lain (*“any admixture of them with one another”*) merupakan masyarakat asli: Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak (Laut), Dayak (Darat), Kadayan, Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong, Kanowit), Lugat, Lisum, Melayu, Melanau, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit (Perlembagaan Persekutuan, 2009; Bala, 1993; Ahmad Nidzamudin Sulaiman, 1994). Istilah “Orang Dayak” pula merujuk kepada satu kumpulan etnik yang besar di Sarawak yang mana pada tahun 1991 berjumlah 810,149 orang dan terdiri daripada 49.35% daripada populasi di Sarawak. Mereka termasuk Iban (29.45%), Bidayuh (8.28%), Melanau (5.71%), Kenyah (1.25%), Kayan (1.23%), Murut (0.79%) dan beberapa kumpulan kecil yang lain (Jabatan Statistik Malaysia, 1995). Kebanyakan daripada komuniti Dayak mengamalkan pertanian pindah (Rachagan, 1998; 83).

Berdasarkan ordinan ini, istilah “Iban” serta “Bidayuh” tidak termasuk dalam “tafsiran masyarakat asli” di bawah ordinan ini walaupun kedua-dua kaum ini merupakan masyarakat asli Sarawak berdasarkan perkara 2 Adat Bidayuh Order 1994 yang mengatakan;

“For the purpose of this Order, the term “Bidayuh” means the native of Sarawak referred to as Land Dayak in the Schedule to the Interpretation Ordinance”

dan Seksyen 1, Jadual Kedua *Adat Iban Order 1993* yang menyatakan:

“Iban” means Dayak (Sea) as defined in the Interpretation Ordinance, Cap. 1, Vol. I of the Laws of Sarawak, 1958”.

Walaupun terdapat perbezaan pendapat tentang tafsiran “masyarakat asli” di

Sarawak, namun demikian tulisan ini mentafsirkan “masyarakat asli Sarawak” adalah menurut tafsiran ketiga-tiga sumber ini iaitu, *Sarawak Interpretation Ordinance*, *Adat Bidayuh Order 1994* dan *Adat Iban Order 1993*. Mereka ini mendiami hulu sungai iaitu “upriver people” yang merupakan penduduk asli yang tinggal di kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman negeri Sarawak, khasnya di Baram, Kapit, Trusan, Limbang dan Belaga. Golongan Orang Ulu di Sarawak meliputi 5.5 peratus daripada populasi penduduk. Majoriti daripada mereka menganut Kristian, tetapi masih terdapat dikalangan mereka mengamalkan kepercayaan tradisi nenek moyang (Ahmad Nidzamudin, 1994; Rachagan, 1998; 77).

Penan telah diakui sebagai salah satu daripada komuniti adat di Sarawak yang ditetapkan dalam Ordinan Interpretasi Sarawak (Cap 1 1958 Ed.). Menurut jadual di bawah Bahagian 3 dari Ordinan Interpretasi (Cap 1, 1958 Ed), kumpulan etnik, dan campuran daripada mereka dengan satu sama lain, dianggap sebagai kumpulan-kumpulan peribumi di Sarawak. Populasi Penan utama boleh dibahagikan menjadi 26 sub-kumpulan berdasarkan lokasi mereka. Suku kaum Penan ini termasuk Bukitan; Bisayah, Dusun, Dayak (laut/darat); Kedayan; Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng); Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong, Kota Samarahan); Lugat; Lisum, Melayu, Melanau, Murut; Penan; Sian; tagal; tabun, dan Ukit (Suhakam, 2007). Bahagian ini hanya menganalisis masyarakat peribumi yang terdiri daripada kaum Penan, Selako, Iban, Lun Bawang dan Melanau, tetapi hanya tiga kaum peribumi sahaja iaitu Penan, Lun Bawang dan Melanau yang diangkat pengarang lebih menyerlah kewujudan persaingan dengan masyarakat luar di dalam novel mereka. Dianggarkan bahawa sebanyak 19 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Penan berada di pedalaman Belaga (Ulu Belaga). Unit Perancangan Negeri Sarawak (SPU) telah mengenal pasti seramai 2016

orang Penan telah menetap di Belaga (Suhakam, 2007), manakala tiga peratus daripada jumlah keseluruhan Penan di Sarawak dianggarkan masih lagi mengamalkan kehidupan secara nomad di dalam hutan (Nikolas, 2010). Taburan penduduk Penan berdasarkan kawasan petempatan mereka di Sarawak pada tahun 2006 boleh dilihat dalam jadual 4.0 di bahagian lampiran.

Walaupun miskin, masyarakat peribumi termasuk penan dan masyarakat Orang Asli suka akan kehidupan yang aman. Pertelingkahan kebendaan dalam kehidupan mereka jarang berlaku. Suasana masyarakat kampung yang lemah lembut dan mesra masih mewarnai sikap yang tidak agresif terhadap kejayaan kebendaan. Masyarakat peribumi tidak suka keganasan dan cuba mengelakkan diri daripada terlibat dalam tindakan keganasan (Ma'Rof Redzuan & Abdul Razak, 2008). Prinsip ini menyebabkan mereka lebih banyak mengalah. Apabila sesuatu kawasan telah diceroboh untuk aktiviti pertanian dan pembalakan, sebilangan kecil masyarakat peribumi yang masih mengamalkan cara hidup nomad seperti Penan dan Iban telah berpindah jauh ke dalam hutan kerana menghadapi kesukaran untuk mendapatkan makanan. Kemerosotan mutu alam sekitar menyebabkan masyarakat peribumi berhadapan dengan kesukaran hidup. *Suara Dari Rimba* (2008) mengangkat tentang kehidupan sekelompok masyarakat Penan di Sarawak yang masih lagi mengamalkan cara hidup nomad di kawasan pedalaman. Mereka akan berpindah dari satu kawasan hutan ke kawasan hutan yang lain mengikut keperluan semasa seperti kekurangan binatang buruan, hasil hutan dan sumber sagu, atau berlaku kematian dikalangan ahli kelompok mereka. Apabila kawasan yang selama ini tenang, sepi dan damai mula diganggu dengan pelbagai aktiviti seperti pembalakan, pembinaan jalan raya dan pembukaan kawasan hutan untuk aktiviti perladangan, persekitaran mereka yang hidup bebas selama ini turut mengalami perubahan.

Perkembangan semasa sebegini menyebabkan orang luar mula mendatangi kawasan mereka. Jalan mula dibina untuk memudahkan perhubungan terutama untuk mengangkut balak, kawasan hutan mula ditebang untuk mendapatkan sumber kayu kayan bermutu tinggi dalam industri pembalakan. Seterusnya, kawasan hutan berkenaan akan dicerangkan bagi tujuan perladangan secara besar-besaran. Semua perubahan ini akan menyebabkan kehidupan mereka mula terganggu. Semasa proses menebang, membina jalan dan mewujudkan kawasan ladang, pekerja-pekerja berkenaan akan melakukannya mengikut rancangan yang diatur tanpa mempedulikan kawasan berkenaan adalah kawasan petempatan masyarakat peribumi. Masyarakat peribumi seperti Penan yang hidup secara nomad tidak mempunyai kawasan petempatan atau perkampungan yang tetap, jadi mereka tidak mempunyai kampung dan kawasan pertanian yang diwartakan mengikut undang-undang. Selain kawasan petempatan, perkuburan lama nenek moyang mereka juga turut mengalami kemusnahan dalam proses pencerangan hutan. Perubahan dan pengubahsuaian kawasan hutan turut mempengaruhi kehidupan mereka yang lain seperti kesukaran untuk mendapatkan bekalan air bersih apabila sungai telah tercemar, tumbuhan hutan yang menjadi sumber makanan mereka telah dimusnahkan, manakala binatang buruan pula telah lari jauh ke dalam hutan tebal apabila persekitaran diganggu. Ini menimbulkan kemarahan penduduk Penan terhadap pekerja-pekerja balak terbabit walaupun mereka sebenarnya hanya mengikut arahan pihak atasan syarikat pembalakan.

Kesukaran hidup yang perlu mereka tempuhi setelah kawasan hutan didiami diceroboh menyebabkan mereka bertukar tingkah. Tradisinya, kaum peribumi termasuk Penan merupakan kaum yang pemalu dan tidak suka berkonflik (Ma'rof Redzuan & Abdul Razak, 2008). Setelah tidak mampu lagi bertahan dengan

kehidupan mereka yang semakin merosot, mereka akhirnya berubah tingkah menjadi kelompok manusia yang kasar dan menyerlahkan protes. Ini sudah tentu bertentangan dengan kebiasaan kelompok ini, namun begitu, apabila keadaan telah mendesak dan kehidupan mereka semakin terancam, tindakan masyarakat Penan ternyata begitu berbeza sehingga sanggup menentang pekerja-pekerja pembalakan dengan melakukan sekatan jalan. Ini dijelaskan dalam novel seperti petikan berikut;

“Inilah masanya untuk jadi manusia kasar. Mereka ceroboh hutan, ranapkan kubur, kotorkan sungai, ikan mati, burung terbang jauh, binatang lari jauh, jakah dan *uwut* tumbang. Mereka harus bertanggungjawab pada segala kemusnahan itu” Along Sega yang bercakap setelah lama berbincang dengan Brueno Mansel serta beberapa orang yang berkumpul di situ.

(Jong Chian Lai, 2008; 390)

Protes yang dilakukan mempunyai sebab yang tersendiri, iaitu tidak puas hati dengan mutu alam sekitar yang semakin merosot sehingga mengganggu kehidupan seharian. Hal ini diberitahu kepada James Rich semasa wartawan itu cuba menjejaki Bruno Manser di kawasan petempatan masyarakat Penan. Dalam novel ini, Bruno Manser telah mempengaruhi masyarakat peribumi terutama Penan untuk melakukan penentangan terhadap pihak pemerintah dengan alasan untuk menjaga kelangsungan alam sekitar. Hasutan berkenaan telah mempengaruhi masyarakat Penan menentang dan menghalang aktiviti pembalakan di sekitar kawasan mereka. Penentangan tersebut semakin berani dan nekad hingga ke tahap menyekat laluan ke kawasan pembalakan. Mereka telah membuat benteng manusia, meletakkan halangan seperti balak di tengah jalan dan berkumpul di kawasan berkenaan bersama senjata masing-masing hingga berbulan-bulan lamanya. Cara ini berkesan untuk sementara waktu sahaja kerana mereka menghadapi kesukaran untuk mendapat bekalan makanan

sekiranya tidak memburu atau mengutip hasil hutan. Akhirnya, mereka mengalah dan meneruskan kehidupan seharian (Lin, 2008).

Dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1998), persaingan berlaku antara pembalak dan masyarakat peribumi. Pembalakan di kawasan mereka telah mengundang kedatangan pekerja-pekerja balak yang dianggap menjadi pengganggu ketenteraman kerana membawa bersama dengan kemusnahan hutan, bunyi bising jentera dan kekurangan makanan apabila semua binatang buruan telah lari jauh ke dalam hutan. Dalam novel *Pindah* (1988) pula persaingan antara manusia terjadi antara Ungging dan penduduk rumah panjang yang lain. Penduduk rumah panjang Kampung Tegelam telah berpindah ke petempatan baru rumah panjang yang disediakan pihak kerajaan sebagai pampasan pengambilalihan kawasan petempatan mereka untuk membina empangan. Ungging tetap berpegang teguh dengan pendiriannya untuk tidak berpindah ke rumah panjang moden yang disediakan walaupun semua anggota rumah panjang termasuk anak-anak dan isterinya turut berpindah. Persaingan wujud apabila terdapat segelintir bekas ahli rumah panjang mahu merobohkan rumah panjang tradisi mereka untuk mendapatkan kayu binaan rumah panjang yang bermutu tinggi. Sekiranya kehendak mereka dipenuhi, bermakna rumah panjang tradisi yang hanya dihuni Ungging seorang itu akan diruntuhkan. Ini menyebabkan Ungging mengamuk dan menggertak untuk menembak sesiapa sahaja yang berani meruntuhkan rumah panjang tradisi itu. Akhirnya, mereka terpaksa mengalah kerana bimbang Ungging benar-benar melepaskan tembakan.

Masyarakat peribumi sangat terpengaruh dengan kehadiran bangsa asing (Mat Salleh) kerana pengalaman yang manis bersama mereka. Mat Salleh selalunya menjadi pelindung yang berideologi lembut serta liberal terhadap mereka. Ia dilihat

sebagai pembebas kekejaman dalam alam mitos mahupun alam nyata pada hari ini, dan hadir sebagai “wira” dari langit berurusan terus dengan kuasa besar alam. Mereka sering dilihat sebagai doktor yang membawa ubat dan penawar. Imej lembut mereka membawa sikap kemanusiaan luar biasa yang menyebabkan golongan peribumi dapat menerimanya (Hood Salleh, 2004). Masyarakat peribumi begitu hormat kepada orang lain, terutama orang luar. Ini menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan gesaan orang luar seperti aktivis Bruno Manser yang mendesak kaum peribumi menentang pihak kerajaan. Sokongan yang diterima dari peringkat antarabangsa membuatkan mereka lebih yakin untuk meneruskan penentangan, dibantu oleh persekitaran yang lebih mendesak keinginan itu. Mereka menyaksikan bagaimana kawasan hutan dimusnahkan untuk kawasan pertanian dan pembalakan serta melihat sifat tamak haloba masyarakat luar yang terkenal dengan ketamadunan yang tinggi, namun hilang sifatnya apabila berinteraksi dengan alam sekitar (Maharam Mamat, 2009a). Ini dipaparkan pengarang seperti contoh berikut;

“Pekerja-pekerja balak tangkap ikan di Ba Magoh...berguni-guni dibawa balik. Mereka tangkap waktu ikan bertelur. Tiada tempat untuk ikan membiak. Tak sempat langsung. Kalau awak ke Ulu Baram, banyak ikan di situ. Mereka guna jala dan budak-budak untuk tangkap ikan. Tentu payah untuk ikan terus membiak”. Mustafa Manap dan Suhaili Osman tentu tidak begitu memahami keadaan yang dimaksudkan, terkadang-kadang orang kota “terpancing” oleh kejinakan, keaslian, kehijauan, keharuman, sumber-sumber yang banyak daripada rimba itu.

(Jong Chian Lai, 2008; 323)

Berdasarkan petikan di atas, pembaca dipaparkan dengan situasi eksploitasi sumber alam (ikan) yang dilakukan tanpa batasan, kemudian meninggalkan impak terhadap kehidupan masyarakat peribumi yang bergantung kepada sungai sebagai sumber makanan. Tindakan sebegini dikelaskan sebagai tindakan tidak beretika dalam kritikan Eko. Masyarakat peribumi sangat prihatin apabila berinteraksi dengan

alam melalui penggunaan sumber alam pada kadar yang diperlukan sahaja. Mereka menangkap ikan dan berburu binatang yang sesuai dengan kegunaan seharian dan tidak membazir. Apabila terdapat orang luar yang bersifat tamak dan mengeksploitasi sumber alam tanpa batasan, mereka sangat terkejut dan marah. Pengurangan jumlah ikan di sungai menyebabkan penan sukar untuk memperolehnya, bermakna, berlaku kesukaran mendapatkan sumber protein dan makanan seharian. Ini ditambah pula dengan tangkapan yang dilakukan pada musim ikan sedang bertelur, menyebabkan sumber ikan dalam tempoh tertentu akan sangat berkurangan dan menyukarkan kehidupan mereka.

Sejak manusia tahu menggunakan teknologi seperti mencipta alatan memburu, peralatan pertanian dan jentera, komponen biosfera didapati semakin terancam akibat gangguan untuk pembangunan kawasan pertanian, petempatan dan sebagainya. Semakin moden teknologi dicipta, manusia semakin mengganggu semua hidupan (Jamaluddin Md. Jahi, 2001). Ramai beranggapan bahawa alam ini mempunyai kuasa sakti yang mampu menyerap semua bentuk bahan buangan yang manusia hasilkan, menyebabkan ramai yang tidak berinteraksi secara lestari dan berusaha menjaga kelangsungan ekologi. Pada peringkat ini, manusia tidak begitu menyedari tentang akibat yang perlu mereka hadapi apabila keseimbangan alam sekitar di sekeliling mereka digugat secara tidak beretika.

Kemerosotan kualiti alam sekitar telah wujud sejak zaman penjajah lagi, tetapi berlaku pada magnitud yang lebih kecil. Ketika itu, alam sekitar dapat menyerap sebahagian besar daripada bahan pencemaran yang dihasilkan oleh pelbagai sumber (Jamaluddin Md. Jahi, 2001). Kemerosotan alam masih berada pada tahap yang terkawal apabila alam masih mampu melakukan kitaran secara semulajadi. Namun, apabila berlaku revolusi perindustrian, sumber alam telah

dieksploitasi secara besar-besaran sehingga berlaku pengubahsuaian alam yang sangat ketara, alam sekitar tidak lagi mampu menampung kemerosotan yang dicetuskan. Akhirnya, manusia terpaksa menerima hakikat bahawa gangguan terhadap alam mula berhadapan dengan kemusnahan. Ini dijelaskan penulis seperti berikut;

Memang pada tafsirannya sebelum ini, pembalakan tidak mendatangkan bencana, tetapi semakin mendekatkan diri dengan situasi itu, keadaan yang dilihatnya amat menggerunkan. Hutan itu semakin botak, tanah semakin lapang, tumbuh-tumbuhan menjadi rosak, pokok-pokok kecil terhumban menyembah bumi, patah seperti ranting-ranting rapuh, paku-pakis yang dahulunya ranap mula tumbuh tetapi kehijauan dan kesegarannya pudar. Resah hati Kurau Kusin yang tinggal di daerah itu kerana pembalakan akan menjalar ke perkampungannya pada bila-bila masa sahaja.

(Jong Chian Lai, 2008; 26)

Kurau Kusin dalam novel *Suara dari Rimba* (2008) tidak mampu berbuat apa-apa untuk membetulkan keadaan yang dilihatnya semakin tidak terkawal. Masyarakat peribumi tidak dapat memahami apa yang perlu dilalui setelah alam sekitar di kawasan mereka diteroka kerana hal berkenaan tidak pernah berlaku sebelumnya. Setelah menyaksikan bagaimana belantara dicerang sehingga hutan yang menghijau sebelum ini menjadi lapang, merosakkan flora di persekitaran apabila dihempap batang-batang balak yang tumbang, malah, keresahan itu semakin menghimpit kerana kawasan pembalakan tersebut kian menghampiri petempatan yang didiami tanpa mampu untuk melakukan apa-apa bagi menyelamatkan situasi. Syarikat pembalakan sering melaksanakan aktiviti pembalakan di kawasan penempatan dan sekitar mereka tanpa melakukan apa-apa perbincangan terlebih dahulu. Keadaan ini menyusahkan kerana kawasan penempatan dan sekitarnya merupakan tanah tradisional nenek moyang mereka yang menjadi tempat mencari rezeki. Dalam situasi sebenar, keadaan menjadi tegang apabila masyarakat peribumi

bertindak menghalang dan menyekat aktiviti pembalakan kerana ingin melindungi hak tanah mereka sehingga mengakibatkan beberapa orang Penan telah cedera, ditangkap dan dipenjarakan, malah situasi ini mendapat perhatian antarabangsa dan telah menjadi asas kepada *Anti-tropical Timber Campaign* di Eropah dan Amerika Syarikat pada tahun sembilan puluhan.

Pembangunan yang dijalankan di kawasan petempatan peribumi telah menimbulkan konflik yang berlarutan sejak tahun lapan puluhan lagi. Kaum Penan beranggapan bahawa pihak Kerajaan dan syarikat pembalakan gagal menghormati hak mereka terhadap perkampungan, kawasan perkuburan dan sumber asli hutan. Dalam novel *Suara dari Rimba* (2008), Jong Chian Lai menggambarkan usaha pihak asing untuk mempengaruhi pasaran kayu antarabangsa dan memburukkan nama Malaysia melalui usaha Bruno Manser dalam ayat “Dia bukannya mahu melakukan penyelidikan dan kajian tentang hidupan liar, budaya, bahasa, kepercayaan, perubahan hasil dari rimba, kraftangan tetapi sebagai pengintip kepada NGO Barat” (halaman 251). Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Sarawak menyatakan bahawa kaum Penan telah dipengaruhi oleh pihak tertentu dari luar negara dan Pertubuhan Bukan Kerajaan Antarabangsa, terutama Bruno Manser yang dianggap sebagai seorang *enviromentalist extremist* (SUHAKAM, 2002; SUHAKAM, 2007a). Konflik ini berterusan hingga kini walaupun Bruno Manser dipercayai telah meninggal, menampakkan wujud penentangan dikalangan penduduk peribumi.

Novel *Suara dari Rimba* (2008) ini secara terang-terangan telah memaparkan tentang konflik yang berlaku antara kumpulan Penan yang masih lagi mengamalkan cara hidup nomad di belantara dengan masyarakat luar yang dianggap lebih maju, bertamadun dan lebih pintar. Para pencinta alam sekitar berjuang bermati-matian untuk mempertahankan kehidupan sebilangan kecil masyarakat Penan yang masih

lagi hidup secara nomad dalam hutan belantara negeri Sarawak dengan prinsip masyarakat Penan berhak menentukan corak kehidupan yang bagaimana mereka mahukan. Pada masa ini mereka telah cuba mempengaruhi masyarakat Penan untuk menentang pihak kerajaan, melakukan bantahan dan membuat sekatan-sekatan terhadap jalan balak dengan alasan untuk memperjuangkan alam sekitar semulajadi agar sentiasa kekal terjaga. Menurut surat dikeluarkan pejabat Residen Miri kepada SUHAKAM, NGOs dalam dan luar negara seperti Sahabat Alam Malaysia, *Borneo Research Institute Malaysia Sarawak* (BRIMAS), *Greenpeace*, *Global Witness* (UK), *Bruno Manser Fund* (Switzerland), *Friends Of The Earth* (Netherlands), IWGIA (Denmark), *Environmental Investigation Agency* (UK), Robin Wood (Germany) dan *Rainforest Foundation* (Germany) telah mempengaruhi masyarakat Penan melakukan sekatan (sejak 2003) walaupun telah dilakukan rundingan berkali-kali. Pembinaan jalan raya menghubungkan ke Long Benalih untuk memudahkan hubungan dan membina infrastruktur lain seperti klinik terpaksa dihentikan (SUHAKAM, 2007a).

Realitinya sangat berbeza; usaha-usaha para pencinta alam sekitar sebenarnya satu usaha untuk boikot hasil hutan tropika bermutu tinggi yang tidak mampu disaingi negara asal mereka. Propaganda bertopengkan alam sekitar ini menimbulkan konflik yang berterusan antara masyarakat peribumi dan orang luar. Mereka (masyarakat peribumi) yang sangat mempercayai “orang putih” mudah termakan hasutan berkenaan sehingga berlaku beberapa siri sekatan dan bantahan, tanpa menyedari bahawa mereka sebenarnya telah dipergunakan. Walaupun masyarakat peribumi seperti penan mahukan pembangunan seiring dengan kemajuan kaum lain di Malaysia, namun keinginan berkenaan tidak diserlahkan secara radikal seperti membuat tuntutan terhadap hak tanah NCR dan menentang pembalakan tanpa

kawalan di kawasan petempatan mereka. Keinginan itu tidak sampai ke tahap timbul kesedaran untuk menyatakan deklarasi, membuat piket atau melakukan sekatan. Mereka sedar melalui pelbagai kemudahan asas seperti sekolah, klinik dan corak hidup yang teratur mampu membentuk satu kehidupan masyarakat peribumi seperti kaum yang lain. Mereka juga mahu maju seperti kaum yang lain dan tidak mahu terpinggir daripada arus kemajuan.

Semua keinginan tentang kemajuan dan kemudahan infrastruktur ini dipaparkan pengarang dalam novel *Suara dari Rimba* (2008) contohnya pada halaman 122, 143 dan 164. Namun begitu, timbul juga keraguan dan konflik dikalangan mereka untuk mengubah cara hidup yang telah mereka jalani selama ini dengan satu bentuk kehidupan baru. Mereka akan mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan tempat dan cara hidup baru dari sudut sosial dan fizikal, tiada kebebasan menentukan tempat tinggal, keadaan hidup yang tidak teratur dan kesukaran membawa barang-barang apabila berpindah ke tempat baru (Maharam Mamat, 2009a). Berpindah ke kawasan baru juga sangat sukar bagi mereka dari segi ekonomi. Mereka terpaksa melupakan tempat tinggal asal yang telah diusahakan dengan hasil dusun, tanaman dan petempatan yang telah dibina sejak nenek moyang dahulu (Ma'rof Redzuan & Zahid Emby, 2008). Kebimbangan ini antara lain dinyatakan dalam bentuk jenaka seperti petikan ini;

“Kau fikir kita boleh maju macam bangsa lain?” Tanya Beraok Beluluk yang lebih gemar tinggal dalam hutan daripada rumah panjang.

“Kalau kita maju sikit...kena ikut peraturan. Mahu berak juga ikut peraturan, mesti buat tandas...buat apa tahi tu?” kata-katanya itu mencuit hati Gerawat Megud.

“Awak takut nak berak dalam tandas? Semua orang buat macam tu,” tegas Gerawat Megud sambil tersengih.

“Yalah...tahi buat apa nak simpan.”

“Buat baja..” jelas Seliman Elon.

(Jong Chian Lai, 2008; 164)

Dialog yang dituturkan Baraok Beluluk, Gerawat Megud dan Seliman Elon di atas umpama lelucon, namun hakikatnya, hal-hal kecil sebegitu juga membangkitkan kebimbangan dikalangan mereka. Sebelum ini mereka hidup bebas secara nomad di dalam hutan tanpa perlu mematuhi apa-apa peraturan, namun apabila mereka perlu hidup secara menetap seperti kaum yang lain, mereka perlu mengubah banyak corak kehidupan asal. Pada ketika itu, mereka perlu bersaing dengan kaum lain yang telah lama hidup menetap. Situasi berkenaan sudah pasti sangat sukar kerana mereka tidak mempunyai pendidikan, sumber ekonomi, pekerjaan, malah tidak mempunyai kepakaran untuk bercucuk tanam sekalipun. Ini bermakna, mereka perlu memulakannya daripada kosong. Tanpa dibantu oleh mana-mana pihak, mereka tentunya gagal untuk menjalani kehidupan secara menetap seperti suku bangsa yang lain.

Pihak kerajaan telah menyediakan rumah panjang moden yang lebih selesa, moden dan kukuh di kawasan petempatan baru apabila kawasan petempatan asal mereka diambil alih untuk pembinaan empangan, pembalakan, perladangan, pembinaan jalan raya dan sebagainya. Kerajaan negeri Sarawak menyediakan Penempatan Semula Sungai Asap apabila mengambil alih kawasan Bakun bagi pembinaan empangan. Penempatan ini selaras dengan usaha kerajaan untuk membangunkan negeri Sarawak dan memajukan masyarakat peribumi serta ditingkatkan taraf hidup mereka secara lebih teratur (SUHAKAM, 2002). Kemudahan berkenaan diperincikan kepada pembaca dalam Novel *pindah* (1988) pada halaman 5, 6, 16, 17 dan 43, merangkumi semua kemudahan asas seperti rumah yang letaknya berhampiran dengan pekan, bekalan elektrik dan air bersih, jalan raya, dan pelbagai kemudahan lain (Maharam Mamat, 2009a). Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada masyarakat peribumi yang masih nomad ini tidak dapat menyesuaikan diri

dan kembali semula ke tengah hutan seperti kehidupan asal. Persaingan yang wujud bukan sahaja dengan masyarakat luar, tetapi mereka juga gagal untuk bersaing dengan perubahan kehidupan sendiri dan meninggalkan cara hidup asal. Konflik ini menyebabkan banyak usaha memodenkan golongan ini tidak berjaya sepenuhnya.

Masyarakat peribumi tidak menentang atau menolak semua jenis pembangunan. Mereka mementingkan suatu model pembangunan yang menghormati hak-hak mereka terhadap tanah dan mengasaskan dari warisan sejarah, budaya dan cara hidup lama yang memberi hak untuk menentukan nasib atas tanah mereka sendiri. Keakraban masyarakat peribumi dan alam menyebabkan mereka mempunyai hubungan yang istimewa dan tidak dapat dipisahkan dengan persekitaran. Alam mempengaruhi kehidupan mereka, mendorong hubungan yang harmoni dan menepati etika alam seperti digariskan Kritikan Eko. Penentangan dan protes hanya berlaku apabila alam yang mereka sanjungi telah tergugat; anak-anak sungai yang digunakan sebagai jalan pengangkutan, cucian dan sumber air minuman dipenuhi lumpur, tersumbat dan tercemar. Pembangunan menyebabkan tanah ladang untuk bercucuk tanam telah dicerobohi. Tanah perkuburan juga tidak dihormati dan sebaliknya dikelilingi oleh tanaman kelapa sawit (Lin, 2008). Kehidupan semasa mereka yang terpinggir daripada arus pembangunan menjadikan masyarakat ini jauh tercicir. Dalam jangka masa yang panjang, situasi ini akan meluaskan lagi jarak pembangunan yang diterima dan melebarkan persaingan antara masyarakat peribumi dan masyarakat Malaysia yang lain.

3.1.1.1.2 Persaingan antara Penjajah dan Masyarakat Tempatan

Penjajahan berlaku kerana mencari sumber bahan mentah semasa revolusi perindustrian di Eropah dan penyebaran agama kristian. Namun begitu, kedatangan Brooke dalam kes negeri Sarawak kerana suasana tidak aman akibat perang saudara di negeri ini. Brooke telah dianugerahkan Sarawak setelah berjaya membantu kesultanan Brunei menangani perang saudara dan kekacauan masyarakat tempatan semasa kedatangan kali ke dua penghujung tahun 1840. Pangeran Muda Hashim memohon bantuan Brooke untuk menghentikan pemberontakan tersebut dan berjanji untuk menyerahkan kerajaan negeri Sarawak walaupun mendapat tentangan daripada Pangeran Muda Mahkota (Hajjah, 1992).

Jong Chian Lai, Harry Usup Umbar, Sarimah Alit dan Jaya Ramba telah mengangkat perihal persaingan antara spesies antara penjajah dan masyarakat tempatan dalam novel *Pemberontakan* (1994), *Katarsis Perjuangan* (2007), *Sumpah Anak Merdeka* (2006), *Sempadan Dendam* (2002), *Naluri Hidayah* (2007) dan *Libau Rentap Rimba* (2008) dengan cara yang tersendiri bersandarkan sejarah negeri Sarawak. Konflik dalaman yang berlaku dalam pemerintahan negeri Sarawak sejak di bawah pemerintahan kesultanan Brunei telah dikupas dengan terperinci dalam novel *Katarsis Perjuangan* (2007) sehingga negeri itu diserahkan kepada kerajaan Diraja British (Crown Colony). Jong Chian Lai menyatakan hal ini dalam novelnya seperti berikut;

Tuan pun meneliti, entah untuk yang beberapa kali pada surat perjanjian yang ditandatangani oleh Sultan yang tergantung megah di dalam kabinnya. Dia membacanya penuh semangat dan bangga, meninggikan suaranya supaya askarnya juga dapat mendengar: "*That the country and government of Sarawak is made over to Mr. Brooke (to be held under the crown of Brunei) with all its revenues and dependencies, on the yearly payment of £2500. That Mr. Brooke is not to infringe upon the customs or religion of the people; and in return, that no person is to interfere with him in the management of the country*".

(Jong Chian Lai, 1994; 3)

Surat perjanjian yang dimaksudkan dalam petikan ini adalah surat perjanjian penyerahan negeri Sarawak yang sebelum ini berada di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei. Menurut *Hikayat Sarawak* (1932), Pangiran Muda Hasyim yang berjanji untuk menyerahkan negeri Sarawak kepada James Brooke pernah membuat helah dengan menyerahkan satu surat perjanjian, bukannya penyerahan negeri sarawak (halaman 85 dan 86). Namun, setelah Brooke menghalakan meriam dan kelengkapan perang ke rumah Pangiran Muda Hashim, akhirnya proses penyerahan Sarawak telah dibuat. Dokumen atau surat penyerahan kuasa berkenaan diketengahkan dengan lebih terperinci dicatatkan dalam novel *Pemberontakan* (1994) pada halaman 261 dan 262.

Surat perjanjian berkenaan diperoleh menggunakan cara ugutan seperti digambarkan Idris Boi dalam novel *Sumpah Anak Merdeka* (2006) pada halaman 2. Berdasarkan novel ini, pembaca yang begitu arif tentang sejarah negeri Sarawak dapat mengetahui tentang peristiwa penyerahan negeri ini kepada pemerintahan keluarga Brooke yang berlangsung selama seratus tahun. Sultan Brunei terpaksa tunduk dengan ugutan Brooke yang ingin menguasai Sarawak kerana tidak berupaya untuk menentang kekuatan tentera Brooke. Pertolongan Brooke menangani kekacauan di dalam negeri Sarawak dan Brunei memerlukan Sultan Brunei menyerahkan negeri Sarawak sebagai balasan. Situasi ini menjelaskan bahawa persaingan yang berlaku lebih menyebelahi pihak yang mempunyai kekuatan. Walaupun Sultan Brunei mempunyai kuasa pemerintahan terhadap Brunei dan Sarawak pada ketika itu, namun kekuatan fizikal dan ketenteraan yang ada pada Brooke menyebabkan Brooke menang dalam persaingan berkenaan.

Kekuatan tentera Brooke dan kelengkapan senjata moden memberi peluang kepadanya menguasai dan mentadbir Sarawak walaupun pemerintahannya sering berlaku pemberontakan. Penduduk tempatan sama ada Melayu, Iban, Dayak, malah bangsa Cina yang dibawa masuk dari Tanah Besar China sebagai pelombong di Bau terpaksa patuh kepada pemerintahan Brooke. Walaupun penduduk tempatan cuba memberontak kerana dikenakan cukai yang tinggi, namun pemberontakan berkenaan berjaya dipatahkan dengan mudah. Kekejaman Brooke yang dilakukan terhadap penduduk tempatan dipaparkan Idris Boi (2006) di halaman pertama. Ekoran itu, masyarakat tempatan melakukan penentangan kerana tidak puas hati. Walaupun ramai anak peribumi yang cedera dan tewas dengan serangan balas tentera Brooke, namun, semangat mereka masih kental dan sentiasa berusaha untuk mencari peluang menumpaskan penjajah berkenaan. Kehidupan mereka terhimpit dikenakan cukai yang tinggi, tidak memberi masyarakat tempatan pilihan yang banyak melainkan bangkit menentang dengan mempertaruhkan nyawa mereka sendiri. Cara yang sama diangkat pengarang dalam novel *Sempadan Dendam* (2002) melalui watak Rentap, seorang pahlawan Dayak yang terkenal di sarawak. Perkara yang sama dipaparkan dalam novel *Libau Rentap Rimba* (2008), halaman 57 dan 68.

Masyarakat Melayu dalam novel ini menyedari bahawa mereka memerlukan satu strategi yang baik untuk menentang Brooke. Penentangan secara terbuka tidak dapat dilakukan kerana Brooke mempunyai senjata moden (meriam) dan jumlah tentera yang ramai, orang-orang Melayu akan kalah sekiranya berterusan menentang Brooke tanpa strategi yang baik. Ini menyebabkan masyarakat Melayu bergabung dengan orang-orang Cina dan masyarakat peribumi yang lain. Dalam novel *Pemberontakan* (1994), penjajah tidak sahaja dirujuk kepada Brooke yang menguasai Sarawak dan mengaut kekayaan bumi di negeri itu semata-mata, tetapi

juga turut merujuk kepada pendatang negara lain (China) yang menguasai kawasan perlombongan emas di Bau. Masyarakat Melayu menganggap, penjajahan tidak sahaja daripada sudut kuasa dan ekonomi seperti Brooke tetapi juga merangkumi hal-hal yang akan mengubah nilai tempatan masyarakat Sarawak (halaman 286 dan 292) seperti petikan berikut:

“Padaku setiap orang asing yang datang pasti berniat untuk menjajah. Maksudku, menjajah dari semua segi: adat resam kita, kebudayaan, cara hidup, dagang, maruah orang Melayu dan selanjutnya Kepulauan Borneo ini,”

(Jong Chian Lai, 1994; 292)

Jong Chian Lai dalam novel ini memaparkan penentangan masyarakat tempatan yang dilakukan oleh orang-orang Melayu, Dayak dan Iban. Pengarang menentengahkan penentangan yang dilakukan masyarakat peribumi menggunakan sudut pandangan penjajah (Tuan). Jong Chian Lai mengutarakan tentang kekaguman Tuan terhadap penentangan masyarakat tempatan (Iban) yang berjuang bermati-matian menentanginya seperti digambarkan dalam petikan berikut;

Yang hairannya, apabila ratusan kecundang, ribuan lagi secara sukarela akan menggantikan tempat mereka. Ini yang merungsingkannya. Tuan sendiri pernah ke hulu sungai dengan perahu besar, boleh memuatkan sehingga tiga puluh orang askar, lengkap bersenjata, sama-sama menentang pejuang Iban yang gagah, malah berani mati. Penentang begini memang menggugah keberaniannya sendiri, kerana kalau penentang itu sudah mara bererti mereka pantang berundur. Dia pernah menyaksikan sendiri, malah hampir lumpuh kekuatannya kalau bukan kerana senjata mereka lebih lengkap dan ledakan meriam yang menggegarkan itu.

Tuan pernah saksikan bagaimana kepala musuh dipenggal dengan parang panjang, hanya dengan sekali tetakan sahaja. Dan kepala itu terpisah dari tubuhnya. Kemudian tubuh yang masih bernyawa itu merayau-rayau terhoyong hayang, melanggar apa saja yang menghalang dan terjatuh, menggegar di tanah seperti ikan dikelar-kelar. Kepala itu masih bernyawa, beberapa kali menguakkan mulutnya, matanya terbeliak seperti terkejut dan lama-kelamaan menjadi kaku. Kepala tadi disentap dari rambutnya, dimasukkan ke dalam gulungan kain seperti memasukkan buah kelapa, kemudian mereka nyah entah ke mana.

(Jong Chian Lai, 1994; 103)

Berdasarkan petikan ini, pembaca disogokkan dengan kebimbangan Tuan tentang kemaraan pahlawan Iban yang sangat berani. Mereka bagaikan tidak takut langsung dengan kematian. Semangat jitu daripada kaum Iban ini menggusarkan Tuan walaupun dia mempunyai kelengkapan ketenteraan dan senjata yang jauh lebih baik berbanding parang panjang atau sumpit yang dimiliki masyarakat peribumi. Tuan juga risaukan tentang tradisi *ngayau* atau *headhunting* dalam masyarakat peribumi Sarawak. Amalan ini melambangkan institusi kekeluargaan, perkahwinan, keagamaan, keperwiraan dan keberanian seorang lelaki. *Ngayau* atau *headhunting* ini merujuk kepada pemenggalan kepala musuh sebagai membalas dendam akibat keluarga mereka dibunuh oleh pihak lawan, atau juga dirujuk sebagai menyerang musuh yang dilakukan pada zaman tradisi. Menyerang musuh ini dikenali sebagai *kayau besai* dan *kayau anak*. *Kayau besai* adalah menyerang musuh secara beramai-ramai dan *kayau anak* adalah melakukan serangan terhadap musuh secara serang hendap yang dilakukan oleh beberapa orang sahaja. Pada zaman tradisi, golongan peribumi telah diajar untuk bersikap berani untuk membalas dendam dengan cara memenggal kepala (Durin, et al., 2011; Awang Hasmadi, 1984). Kepala yang dipenggal diperlukan sebagai syarat sebelum perkahwinan, memegang sebarang jawatan, melambangkan kedudukan sosial dalam masyarakat dan digunakan untuk mengakhiri upacara berkabung (Awang hasmadi, 1984; Gomes, 1911). Amalan tradisi ini memupuk semangat berani dalam diri masyarakat peribumi, termasuk berani menentang Brooke.

Sebelum kedatangan penjajah, hubungan antara satu kaum peribumi dengan kaum peribumi yang lain di Sarawak berada dalam konflik, antaranya kerana aktiviti ngayau. Walau bagaimanapun, mereka akhirnya bersatu dan bergabung untuk sama-sama menentang penjajah (Brooke). Penentangan yang dilakukan secara serentak

dari semua penjuru memberi peluang yang lebih besar untuk mencapai kemenangan walaupun mereka hanya menggunakan senjata tradisional seperti parang, sumpit dan lembing berbanding senjata moden dimiliki penjajah.

Penentangan terhadap kuasa penjajah (Brooke) turut dilakukan oleh pelombong-pelombong Cina yang tidak berpuas hati dikenakan cukai yang tinggi terhadap candu, namun pemberontakan ini juga berjaya dipatahkan kemudiannya. Tekanan yang diberikan pemerintahan Brooke kepada pelombong-pelombong Cina telah menyebabkan berlaku tidak puas hati dikalangan mereka. Ini mendorong mereka melakukan penentangan seperti digambarkan pada halaman 246 dan 390. Pada masa ini, candu merupakan keperluan utama masyarakat Cina yang berkerja keras di lombong-lombong emas. Sebahagian besar daripada pelombong ini juga didapati ketagihan candu yang akan mempengaruhi kehidupan seharian mereka seperti diperincikan pada halaman 245 dan 251.

Masyarakat Cina tidak dapat memisahkan diri mereka daripada candu. Sama ada tujuannya menghisap candu itu untuk menghilangkan perasaan sedih dan keluh kesah berada jauh di perantauan, atau melupakan segala keperitan hidup di tanah Besar, candu merupakan barang keperluan asas yang sangat diperlukan. Sebilangan daripada pelombong-pelombong ini juga memerlukan candu untuk membantu mereka berkerja keras di lombong. Keperluan yang besar terhadap candu mendorong kepada pengimportan candu dalam jumlah yang banyak. Ini mendorong Brooke mengenakan cukai yang tinggi terhadap candu kerana permintaan sentiasa tinggi. Peningkatan nilai cukai terhadap candu menyebabkan berlaku penyeludupan. Kegiatan penyeludupan ini pula menyebabkan jumlah cukai yang dikutip mula merosot sedangkan permintaan terhadap bahan ini tetap sama. Brooke telah

bertindak lebih keras dan tegas menangani isu penyeludupan candu sehingga berlaku konflik dan pemberontakan daripada masyarakat Cina.

Ketika Perang Dunia ke Dua meletus, negeri Sarawak turut dijajah tentera Jepun yang sangat terkenal dengan sifat kejam dan tidak berperikemanusiaan. Kekejaman tentera Jepun diterjemahkan pengarang dengan tindakan tidak berhati perut terhadap penduduk tempatan walaupun hanya kerana satu kesalahan yang kecil. Semangat yang kental untuk mempertahankan bangsa dan tanahairnya menyebabkan Hidayah tidak mudah lemah semangat walaupun dia telah disiksa dengan hebat. Petikan dari novel *Naluri Hidayah* (2007) berikut menggambarkan keperitan penduduk tempatan berhadapan dengan tentera Jepun;

Pak Hassan dan anak lelakinya dibaringkan untuk menerima hukuman berjemur selama dua hari dua malam, siang mereka akan dipanas terik matahari dan malam mereka diulit kedinginan malam. Mereka dihukum tanpa makan dan minum, sesiapa cuba membantu akan turut dihukum.

...

...

Mereka didenda atas dua kesalahan, pertama tidak memusnahkan perahu, kedua menjual barangan terkawal iaitu beras. Sesiapa pun tidak dibenarkan berniaga beras atau membawa keluar daripada kampung tersebut. Sesiapa yang berbuat demikian akan dihukum.

(Sarimah Alit, 2007; 161)

Sarimah Alit melontarkan kritikan tentang penjajahan Jepun di Sarawak melalui watak Suhai. Walaupun Jepun mengajukan slogan “Asia untuk Asia”, namun ternyata mereka juga seperti penjajah Barat lain yang bertindak kejam dan menindas masyarakat dijajah (halaman 158). Penindasan yang dilakukan Jepun ini digambarkan seperti yang berlaku terhadap Pak Hassan dan anak lelakinya. Kedua-dua beranak ini telah diikat pada sebatang tiang, dijemur siang dan malam tanpa diberikan makan dan minum kerana didapati bersalah tidak memusnahkan perahu mereka seperti diarahkan dan masih menjual beras yang menjadi barangan terkawal.

Penduduk tidak sahaja berhadapan dengan “Hasil padi dibeli dengan harga yang murah dan tidak setimpal dengan penat lelah pesawah,” (halaman 157), tetapi juga “Kaum lelaki dikerah bekerja siang dan malam untuk menyiapkan jalan raya masuk ke kampung. Sesiapa yang lambat atau tidak cekap akan dipukul dengan punggung senapang, kayu atau disepak. Ada yang cuba menghalang turut menerima penangan askar Jepun” (halaman 140). Namun, semua itu tidak melunturkan semangat Hidayah untuk berjuang kepada anak bangsanya dengan menjadikan pejuang-pejuang Sarawak seperti Rentap dan Sharif Masahor sebagai idola yang merangsang semangatnya seperti dialog “Kau tahu kenapa kisah Rentap dan Sharif Masahor masih diingati? Kerana semangat perjuangan mereka, yang tidak pernah mati! Semangat itu yang harus kita warisi, untuk mengingatkan kita supaya jangan pentingkan diri, kemewahan sehingga sanggup menjual maruah bangsa kita!” (Sarimah Alit, 2007; 32). Kekejaman tentera Jepun pula telah digambarkan seperti berikut;

Peristiwa itu tidak bernoktah di situ, sikap tentera Jepun semakin menjadi-jadi. Galak dan buas sehingga menyakitkan mata dan hati yang memandang. Mereka gemar menggunakan kekerasan untuk menangani masalah. Hasil tanaman yang diusahakan orang kampung dijadikan milik bersama. Pokok buah-buahan dipanjat dan dipetik sesuka hati. Ayam dan itik teringin saja terus ditangkap, yang melarang menerima habuan. Yang paling menyakitkan hati bukan tentera itu sendiri yang memanjat pokok dan menangkap ayam itik tetapi tuan punya itu sendiri.

(Sarimah Alit, 2007; 156)

Kekejaman tentera dan pemerintahan Jepun yang semakin berleluasa menyebabkan terdapat segelintir penduduk cuba untuk melakukan penentangan walaupun secara gerakan bawah tanah. Orang-orang kampung semakin tertekan, susah dan berhadapan dengan kekurangan sumber makanan selain terancam keselamatan. Gerakan ini diketuai oleh Hidayah yang melakukannya secara senyap-senyap pada waktu malam. Hidayah telah menjadikan tokoh pejuang dalam

masyarakat Sarawak seperti Rentap dan Sharif Masahor sebagai pembakar semangatnya dan ahli kumpulan yang lain untuk terus menentang penjajah (Jepun). Percikan semangat yang dinyalakan Hidayah menyebabkan kumpulan mereka berjaya membantu masyarakat sekitar secara diam-diam. Cara yang sama digunakan penjajah untuk menakutkan Hidayah; menceritakan tentang kekuatan dan kehebatan *Double Tenth*. Para petualang ini cuba melemahkan semangat juang Hidayah dan pejuang bangsa yang lain agar tidak berani lagi melakukan penentangan seperti diterjemahkan pengarang pada halaman 265.

Persaingan antara penjajah dengan masyarakat tempatan juga berlaku antara Brooke dan lanun yang sentiasa mengganas di perairan Sarawak. Lanun-lanun ini akan merompak kapal-kapal dan nelayan di lautan, termasuk kapal British. Asalnya, kedatangan Brooke ke Sarawak untuk menghantar surat pernyataan terima kasih daripada kerajaan British kepada Pangeran Muda Hashim yang telah menyelamatkan kapal British daripada serangan lanun. Setelah memerintah Sarawak, lanun masih lagi menjadi ancaman yang besar terhadap pemerintahan Brooke. Detik-detik cemas Brooke berhadapan dengan lanun dipaparkan pengarang pada halaman 33, sementara situasi penentangan oleh masyarakat peribumi dan lanun dinyatakan seperti petikan berikut;

Terlalu banyak peperangan yang tidak pernah ada kesudahannya. Sama ada di lautan menentang lanun atau di sepanjang sungai menghadapi pelampau Dayak yang menentang pemerintahannya. Tuan tidak tahu pelampau Dayak itu memberontak kerana dia seorang Tuan, kerana dia orang asing berkulit putih atau kerana ingin menguji kehebatannya. Mungkin pelampau Dayak itu atau lanun akan berasa bangga yang tidak terhingga kalau dapat membunuhnya, atau dapat menghancurkan *Royalist* serta membunuh askar-askarnya yang cekap itu.

(Jong Chian Lai, 1994; 106)

Hikayat Sarawak (1932) telah menghuraikan tentang kewujudan lanun di negeri Sarawak pada halaman 91. Walaupun kumpulan lanun yang ganas ini tidak

mempunyai senjata moden seperti Brooke, namun mereka sangat cekap hidup di laut. Ketangkasan berkenaan membolehkan banyak kapal dagang diserang dan ditawan. Barangan berharga akan dirampas, termasuk kapal. Kegiatan melanun ini bukan sahaja dilakukan tanpa dapat dikawal di lautan, tetapi juga turut dilakukan di darat seperti peristiwa serangan lanun ke Istana Brooke dijelaskan dalam petikan berikut;

Ketua lanun masuk terus ke bilik makan itu walaupun dia dihalang oleh askar tadi. Lanun itu terus menumbuk askar itu di perutnya beberapa kali. Dan dia mengerang kesakitan di tepi dinding. Senapangnya sudah dirampas oleh lanun itu. Ketua lanun tercegat di depan Tuan dengan muka bengis. Matanya yang terperosok ke dalam itu begitu tajam dan garang. Dia begitu gagah tanpa rasa cuak dengan pistol yang tersedia di tangan Tuan. Pistol itu sudah sedia terarah ke dadanya. Belum pasti! Mata biru kecil itu tidak sahaja menancap dengan mata tajam dan garang, tetapi mata itu meneliti setiap wajah di situ. Tidak kurang daripada dua puluh lanun yang berada di dalam bilik makannya. Di luar kedengaran keriuhan lanun lain.

(Jong Chian Lai, 1994; 265)

Walaupun Tuan (Brooke) mempunyai jumlah tentera yang ramai dan kelengkapan senjata api moden (meriam dan pistol) berbanding lanun, Tuan sebenarnya takut dengan ancaman lanun-lanun yang tidak pernah habis. Ketakutan dan rasa gementar berkenaan lebih terserlah terutama apabila Tuan terpaksa berhadapan dengan lanun secara sendirian yang berlaku beberapa kali. Pada masa tersebut, Tuan terpaksa bertindak dengan pantas dan bijak agar dia tidak menjadi mangsa lanun berkenaan. Petikan berkenaan juga memaparkan tentang situasi genting yang dialami tuan apabila diancam lanun. Ini menjelaskan bahawa lanun menjadi masalah yang tidak pernah habis di kawasan perairan Sarawak sejak Brooke tiba pada kali pertama, sehingga bergenerasi lamanya. Brooke berhadapan dengan serangan lanun dan penentangan daripada masyarakat peribumi yang tidak pernah putus. Walau bagaimanapun, serangan-serangan ini dapat ditangani kerana Brooke mempunyai kelengkapan senjata dan tentera yang cukup berbanding masyarakat tempatan.

Walaupun penjajah mempunyai senjata moden dan jumlah tentera yang ramai, namun masyarakat tempatan tetap melakukan penentangan. Masyarakat tempatan kalah apabila bersaing dengan penjajah dan lanun, manakala penjajah pula berjaya dalam persaingan antara masyarakat tempatan Sarawak, masyarakat Cina dari Tanah Besar dan lanun yang mengganas. Walaupun berlaku pemberontakan untuk menentang penjajah, namun Brooke mampu menguasai pemberontakan berkenaan kerana mempunyai kelebihan dari segi senjata moden dan angkatan tentera. Kegagalan masyarakat tempatan termasuk orang-orang Cina untuk menentang penjajah menyebabkan mereka terpaksa tunduk dan mengalah dengan semua peraturan dan kehendak Brooke (Maharam, 2010a; 2010b).

3.1.2 Persaingan Interspecies

Persaingan interspecies pula berlaku apabila individu daripada spesies berlainan menggunakan sumber yang terhad (Fieman, 2008). Persaingan interspecies dalam kajian ini merangkumi persaingan antara manusia dan alam dan juga persaingan antara masyarakat peribumi dengan kuasa supernatural.

3.1.2.1 Persaingan Antara Manusia dan Alam

Persaingan antara manusia dan alam akan meneliti tentang persaingan yang wujud antara penjajah dan alam, peribumi dan alam, dan persaingan antara masyarakat peribumi dan Tuhan atau kuasa supernatural.

3.1.2.1.1 Persaingan antara Penjajah dan Alam

Alam semulajadi merupakan sumber ekonomi utama Sarawak sejak berzaman. Sumber alam semulajadi seperti balak, rotan dan damar, hasil bumi seperti emas dan bijih telah dieksploitasi sejak berkurun lamanya. Novel *Naluri Hidayah* (2007) hasil karya Sarimah Alit mengaitkan sumber bumi dengan pihak penjajah iaitu semasa pemerintahan keluarga Brooke, British dan Jepun. Pada zaman Brooke, pengarang menyerlahkan kerakusan keluarga ini mengaut keuntungan sumber alam di Sarawak untuk kepentingan mereka seperti petikan di bawah;

Pemerintahan keluarga Brooke tidak menggalakkan kemasukan pelabur luar secara besar-besaran dengan tujuan untuk menjaga kepentingan ekonomi mereka. Keluarga Brooke telah meneroka kekayaan hasil hutan Sarawak seperti sarang burung, getah, jelutung, balak dan rotan. Sarang burung dikutip daripada gua batu kapur dan sarang ini mempunyai khasiat serta dijual dengan harga yang tinggi. Tanaman tradisional seperti kelapa, gambir, lada hitam, sagu atau rumbia ditanam secara meluas untuk dieksport. Tanah Sarawak juga sesuai untuk tanaman baru seperti getah dan tembakau. Ekoran itu, bagi meningkatkan eksport, Brooke telah memperkenalkan tanaman getah pada akhir abad ke-19 yang kebanyakannya diusahakan oleh pekebun kecil. Pada kurun ke -20, getah merupakan eksport kedua Sarawak selepas minyak.

(Sarimah Alit, 2007; 136)

Kerakusan Brooke mengeksploitasi hasil bumi Sarawak tidak berhenti di situ sahaja; emas, bijih, arang batu dan antimoni yang banyak terdapat di Bau dikenakan cukai yang tinggi kepada pelombong. Kawasan Bau kaya dengan emas telah menyebabkan Brooke membawa masuk pelombong-pelombong dari China. Hasil bumi yang sepatutnya menjadi sumber ekonomi masyarakat tempatan telah dikaut oleh pendatang (Cina) dan penjajah (Brooke). Perlombongan emas, antimoni, arang batu dan minyak pula semakin dipergiatkan sebagai sumber ekonomi baru. Walau bagaimanapun, berlaku pemberontakan pada 1857 kerana pelombong-pelombong ini tidak berpuas hati dengan cukai yang dikenakan seperti ditulis Sarimah Alit (2007) dalam ayat “Pelombong Cina telah memberontak kerana tidak berpuas hati dengan

cukai yang dikenakan oleh kerajaan Brooke. Pemberontakan berjaya dipatahkan oleh Brooke dan pelombong Cina melarikan diri ke Saribas” (halaman 136). Konflik yang sama dikemukakan dalam novel Pemberontakan (1994). Walaupun orang-orang Cina dan Brooke merupakan pendatang ke Sarawak, namun Brooke menganggap dirinya pemilik kepulauan Borneo. Jadi, dia berkuasa menentukan suasana aman di sarawak. Orang-orang Cina diberi pilihan untuk akur dengan semua undang-undang yang dikenakan ataupun meninggalkan Sarawak sekiranya tidak bersetuju dengan setiap peraturan berkenaan seperti dipaparkan pada halaman 67.

Sejarah perlombongan emas di Bau bermula sejak tahun 1820-an, kemudiannya dilakukan aktiviti perlombongan secara intensif apabila *Borneo Company* membantu pelombong-pelombong tempatan dan pelombong Cina pada 1882 (Low, 1848). Pada peringkat awal, Brooke menggalakkan kemasukan imigran-imigran Cina sebagai sumber buruh yang murah di lombong perak (anitomi) di Bau (Ulu Sungai Sarawak) untuk mengeksploitasi hasil bumi Sarawak. Walau bagaimanapun, para pelombong sangat tidak puas hati dengan tindakan Brooke mengenakan cukai yang tinggi terhadap emas, hingga menghimpit kehidupan. Ini seterusnya menyebabkan mereka menyeludup masuk sejumlah candu. Sekatan, cukai candu dan emas yang tinggi akhirnya menuntut mereka melakukan pemberontakan pada 1856. Serangan orang Cina ke atas bandar Kuching pada mulanya berjaya menawan bandar ini, tetapi pemberontakan ditumpaskan oleh James Brooke dengan bantuan orang Melayu, Iban, Bidayuh dan Syarikat Borneo (Mohd Isa, 2002).

Pemberontakan yang dilakukan secara besar-besaran oleh orang-orang Cina, Iban dan Melayu hampir meragut nyawa Tuan. Pembesar-pembesar Melayu pula berpura-pura tidak mengetahui dan berdiam diri daripada serangan berkenaan. Tuan diselamatkan oleh pembantunya Charles Penty (halaman 513) yang membawanya

keluar melalui pintu belakang Istana kediamannya (Steven, 1960). Novel *Pemberontakan* (1994) juga telah memperincikan bagaimana Sarawak mempunyai sumber bumi yang banyak, tetapi telah dieksploitasi oleh penjajah dan pendatang, bukannya masyarakat peribumi. Masyarakat peribumi terpaksa melepaskan hasil bumi mereka kerana tidak mampu bersaing dengan penjajah dan tidak berupaya untuk mempertahankan hak sendiri. Alam pula akan dikaut oleh golongan yang tidak layak atau berhak, sedangkan golongan sepatutnya (anak negeri) hanya mampu melihat hasil bumi mereka dieksploitasi dan dikaut seperti dipaparkan dalam petikan di bawah;

Di kawasan lombong, emas ada di mana-mana. Di tempat kaki dipijak, di bukit batu kapur, di puncak gunung batu kapur, dalam gua di gunung batu kapur dan di sungai yang mengalir di daerah ini. Mereka memecahkan batu kapur yang rapuh itu, dan mencucinya dengan air. Batu kapur itu akan menjadi lembut dan terurai dengan sendirinya. Di sungai mereka menggunakan dulang untuk mengaup pasir di dasarnya. Dan mengasingkan pasir daripada cebisan emas dengan cara melenggangkan dulang itu. Perempuan yang lebih gemar mengerjakan pencarian emas secara itu. Ini yang paling senang, dan tidak membahayakan. Sungainya cetek pula.

(Jong Chian Lai, 1994; 228)

Pelombong-pelombong Cina bekerja lebih kuat dan rajin. Tanah lanar yang membentuk di kaki bukit menjadi tapak perlombongan itu. Kawasan itu dibentuk menjadi tasik yang dipenuhi dengan air dari sungai, Pelombong-pelombong ini mengangkut air dengan bekas kayu dari sungai untuk mengisi tasik buatan itu. Ini cuma dibuat semasa musim kemarau yang berpanjangan. Apabila telah bersedia, pintu air akan dibuka dan pelombong-pelombong itu memunggah tanah ke dalam parit-parit di mana air akan mengalir ke situ. Ada petak-petak untuk parit air. Air dari tasik itu mengalir deras ke bawah. Tanah akan ditimbunkan di parit itu. Sambil itu dikacau dengan cangkul. Tanah lanar berisi batu, tanah, pasir dan cebisan emas akan dicuci. Dan kesemuanya akan masuk ke dalam takungan yang besar di bawah.

(Jong Chian Lai, 1994; 229)

Bau sangat kaya dengan hasil bumi (terutama emas) menyebabkan kawasan ini menjadi tumpuan terutama pelombong-pelombong Cina yang sangat miskin di negara asal, manakala Brooke pula cuba mengumpulkan kekayaan melalui cukai emas berkenaan. *Hikayat Sarawak* (1932) halaman 33 menggambarkan tentang kekayaan bumi Sarawak pada masa tersebut. Brooke telah mencuba sedaya upaya

untuk mengambil semua kekayaan tersebut dari bumi Sarawak sehingga tiba saat meletus Perang Dunia ke-2. Pada zaman British pula, lombong minyak yang terdapat di Miri telah cuba dimusnahkan sebelum Jepun berjaya menguasai negeri Sarawak seperti dipaparkan pada halaman 137.

Memusnahkan hasil bumi bererti menyekat sumber pendapatan dan ekonomi pihak lawan. Sebelum berundur dari Sarawak, Brooke telah mengaut sebanyak mungkin hasil bumi, British pula bertindak memusnahkan lombong minyak (petroleum) di Miri sebagai usaha menyekat Jepun daripada mendapat sumber ekonomi Sarawak. Penjajah akan mengaut sumber kekayaan tanah jajahannya sesuai dengan prinsip penjajahan pada waktu tersebut, membawa balik hasilnya ke negeri asal mereka tanpa memanfaatkan sumber berkenaan kepada anak tempatan. Walaupun anak tempatan tidak berpuas hati atau menentang dengan tindakan berkenaan, namun mereka tidak mampu untuk melakukan apa-apa.

Masyarakat tempatan tidak mampu bersaing dengan penjajah kerana mereka ditekan dengan kelebihan bilangan tentera dan senjata moden yang digunakan. Kedua-dua sebab itu telah membuatkan masyarakat tempatan terpaksa akur dan mengikut kehendak penjajah walaupun hakikatnya mereka tidak sukakannya. Ini menyebabkan penjajah bebas mengaut hasil bumi dan sumber kekayaan alam di Sarawak sejak zaman pemerintahan keluarga Brooke yang berlangsung selama seratus tahun, penjajahan British, seterusnya Jepun. Hasil bumi Sarawak yang kaya telah diteroka dan dibawa keluar tanpa memanfaatkan penduduk setempat. Ini menjelaskan bagaimana alam sekitar Sarawak telah kalah dalam persaingan dengan penjajah yang menjadikan sumber alam sebagai antara tujuan utama melakukan penjajahan.

3.1.2.1.2 Persaingan antara Peribumi dan Alam

Terdapat lebih kurang 300 juta orang peribumi berselerak di 70 buah negara. Ini bermakna pada tahun 2000 apabila penduduk dunia mencapai 6 billion, setiap seorang daripada 20 orang dalam dunia ini adalah peribumi dan seorang daripada 19 orang yang bukan peribumi berkemungkinan merancang atau telahpun mempunyai hubungan dengan orang peribumi (Hood Salleh, 2004). Komuniti peribumi di kebanyakan negara telah menetap di kawasan tanah tradisi mereka sejak zaman lampau, sebelum kehadiran komuniti lain di negara berkenaan. Budaya mereka telah teradun dan terikat kepada tanah; agama mereka bergantung kepadanya (Ma'rof Redzuan & Mohd Taufiq, 2008). Mereka kaya dengan amalan tradisi dan kepercayaan spiritual, malah seluruh kehidupan mereka adalah berpusatkan hubungan dengan tanah dan hutan. Mereka mengembangkan adat dan budaya yang dinamik terutama berkaitan pegangan dan hubungan sesama manusia dan alam sekitar, mengandungi peraturan dan prinsip yang sah bagi memastikan hubungan langsung antara tanah dan hutan dalam komuniti berkenaan. Walaupun begitu, adat yang digunapakai dan diperturunkan dalam sistem tradisional ini mudah dikikis akibat kemunculan undang-undang baru dan proses pembangunan sehingga hak milik dan guna tanah populasi peribumi ini telah diceroboh dan dihapus sedikit demi sedikit (Rachagan, 1998; 85).

Hutan dan alam semulajadi dalam novel kajian telah digambarkan sebagai satu bentuk penciptaan semulajadi yang indah, menenangkan, terisi dengan keajaiban seperti digambarkan pengarang dalam petikan di bawah;

Bising lotong sahut-menyahut mengimbau dari jauh, dari arah hulu sungai Batang Layar. Di atas, tupai-tupai girang melompat di ranting-ranting, terjun ke cabang pokok embawang. Kemudian pantas berlari berkejaran bila terkejut disergah kedatangan

seseorang di bawah. Tupai pun menghilang di dalam rimbunan daun hijau pokok empetir. Terus menikus tidak bunyi-bunyi lagi di sarang di puncak pokok itu. Beberapa ekor monyet lari lintang-pukang melihat gelagat tupai yang lari ketakutan itu. Bising monyet deras membingitkan hutan hijau dan unggas serta mergastua di situ pantas menyorokkan diri pada tempat yang terlindung. Lalu bising itu semakin menjauh. Kemudian hilang ditelan jarak. Cuma burung tiung, ketupong, gagak rimba dan kenyalang melintas cepat di puncak meranti. Ada juga yang berani melintas laju di bawah. Kemudian menghilang di celah-celah pokok mara bara, bertenggek di akar tenggang yang bergayutan dari dahan pokok merbung berjuntai ke bawah, juga di akar basung yang merayap pada perdu pokok mara gantung. Hutan menghiжай tidak begitu jelas. Samar-samar.

(Jong Chian Lai, 1990; 2)

Perincian ini menyerlahkan tentang interaksi yang harmoni antara alam semulajadi yang terdiri daripada flora dan fauna selain alam sekitar fizikal. Gambaran ini merupakan paparan awal tentang keindahan kawasan yang didiami masyarakat peribumi Sarawak sebelum berlaku pencerobohan hutan dan penyahutan daripada aktiviti pembalakan. Douglas Jaga dalam novel *Kelingkang* (1998) turut mengutarakan keindahan alam sekitar semulajadi di kawasan hutan yang mereka diami melibatkan flora, fauna dan cakerawala seperti awan, langit dan matahari pada halaman 34.

Keindahan sungai dalam novel yang sama digambarkan melalui ayat “Airnya jernih, sejuk dan menyegarkan. Ia berliku-liku, melalui celah-celah batu dan menyusuri dada lurah. Dalam perutnya pula terdapat bermacam-macam ikan” (halaman 133). Sungai yang mengalir di kawasan kediaman mereka yang terletak jauh di pedalaman masih lagi jernih, sejuk, segar dan banyak ikan. Ciri-ciri ini memenuhi sifat sungai yang belum tercemar. Ikan keli. Ikan *banggah*. Ikan *geregat*. Ikan *empelasik* dan seluang. Keindahan, ketenangan dan nilai semulajadi ini dinikmati Lang ketika berada di kampung halaman (rumah panjang) yang jauh dari hiruk pikuk kota. Setiap kali pulang bercuti, Lang akan mengambil kesempatan untuk memancing di sungai berhampiran rumah panjang mereka. Kesemulajadian

alam yang masih belum tercemar menyediakan sumber ikan segar yang banyak, selain memenuhi kegemarannya memancing. Dia juga seronok apabila merasa hasil titik peluhnya sendiri. Menurut kepercayaan dan amalan masyarakat peribumi, alam sekitar semulajadi menjadi ciri dan faktor terhadap keharmonian hidup seharian mereka. Pembinaan rumah panjang umpamanya, perlu memenuhi ciri-ciri khas bagi memastikan kesejahteraan hidup dan dijauhi malapetaka. Ciri-ciri berkenaan diperhatikan melalui persekitaran semulajadi seperti kedudukan rumah panjang berhampiran sungai, susun letak sungai dan kedudukan matahari seperti diperincikan pada halaman 15.

Sungai sangat penting dalam masyarakat peribumi. Kedudukan rumah panjang yang hampir dengan sungai sangat mustahak bagi memudahkan urusan seharian mereka seperti membersihkan diri, mendapatkan sumber air minuman, mendapatkan sumber protein yang dibekalkan hidupan seperti ikan, seterusnya menjadi jalan pengangkutan yang menghubungkan mereka dengan tempat lain. Kedudukan beranda (tanju) rumah panjang yang mengadap matahari terbit pula sangat penting kerana ruang itu menjadi tempat utama menjalankan pelbagai aktiviti rumah panjang. Kedudukan mengadap matahari terbit adalah kedudukan yang sangat baik kerana matahari terbit membekalkan vitamin D yang menyihatkan berbanding matahari yang condong pada sebelah Barat yang membekalkan cahaya terik dan haba yang panas. Ini bermakna, ruang ini akan terlindung daripada cahaya matahari pada waktu petang, memberi keselesaan kepada mereka untuk berehat dan melakukan pelbagai aktiviti di ruang berkenaan.

Masyarakat peribumi dikenali sebagai masyarakat yang bergantung hidup kepada hutan dan persekitaran semulajadi luar bandar dengan menjalani kegiatan ekonomi sara diri seperti pertanian pindah, memburu dan mengumpul hasil hutan

serta menangkap ikan (Ramle Abdullah, 2008; Ma'Rof & Zahid, 2008). Kaum Penan umpamanya, telah mengamalkan cara hidup tradisional secara berpindah-randah memburu binatang dan memunggut hasil-hasil hutan di pedalaman Borneo. Mereka amat berpengetahuan dan berpengalaman tentang hutan sebagai jiwa dan sumber kehidupan (Lin, 2008). Bagi mereka, hutan adalah satu-satunya rumah, tanpanya, mereka akan mati (Rachagan, 1998; 82). Walaupun penempatan mereka sentiasa berpindah, namun mereka tetap menjalin hubungan erat dengan tanah serta mengekalkan wilayah yang sama selama bergenerasi secara berturutan. Mutakhir ini, beberapa kelompok kaum Penan telah memilih cara hidup secara tetap dan bercucuk tanam. Sungguhpun begitu, mereka masih bergantung kepada hutan untuk mencari hasil buruan, bahan-bahan untuk membuat kraftangan dan lain-lain kegunaan (Lin, 2008). Walau bagaimanapun, terdapat sejumlah tiga peratus daripada masyarakat peribumi di pedalaman Sarawak masih mengamalkan cara hidup nomad (Nikolas, 2010).

Kebanyakan keperluan hidup masyarakat Penan diperoleh daripada hutan dan sungai atau melalui aktiviti pertanian pindah. Bagi mereka, “Hutan ni sekolah mereka, binatang, pokok, lamin, sungai, gunung, burung dan semua dalam hutan bagi mereka pelajaran” (Jong Chian Lai, 2008; 350). Hutan menyediakan kemudahan “Tumbuh-tumbuhan hidup subur segar. Burung pun turut membiak. Pokok-pokok semakin membesar; uratnya mencengkam tanah; tanah menapis air hujan yang mengalir ke sungai; ikan pun membiak” (halaman 347). Nilai hutan kepada masyarakat ini terlalu besar dan diumpamakan sebagai stor makanan.

Novel *Mesap* (2002) pula mengetengahkan masyarakat Malanau yang tinggal menetap dan bergantung hidup kepada sagu liar sebagai makanan ruji mereka. Perusahaan memarut sagu menjadi sumber pendapatan penduduk tempatan yang

mendapat sumber sagu dari kawasan hutan berhampiran seperti ditulis dalam ayat “Selagi sagu masih menjadi makanan utama kaumnya, selagi itulah pengaruh sagu, dan yang berkaitan dengannya, seperti mempercayai kuasa beloom, kuasa rabong dan yang seumpamanya, sukar nak dikikiskan daripada amalan kaum Melanau”, (Jali Hj Kenoi, 2002; 93). Masyarakat Melanau masih lagi memperolehi sagu yang tumbuh liar di hutan sebagai sumber makanan utama. Apabila sagu liar semakin berkurangan dan sukar diperolehi, mereka mula menanamnya. Keluasan kawasan penanaman sagu menggambarkan status ekonomi dalam masyarakat ini. Sumber pendapatan utama masyarakat kaum Malanau juga datangnya industri sagu. Ajim dan Bujit berkerja keras dalam perusahaan memarut sagu dan berazam untuk menandingi kekayaan dan kemajuan perusahaan yang dijalankan oleh Haji Semail.

Aktiviti pembalakan yang dilakukan berhampiran kawasan mereka pula menyebabkan berlaku kekurangan ikan seperti ayat "Sejak ada orang membalak di hutan kita tu, keli pun jarang ada. Entah-entah semakin berkurangan kerana ditangkap oleh pekerja-pekerja tu," (Jali Hj Kenoi, 2002; 181). Dalam novel *Suara Dari Rimba* (2008), kekurangan ikan berlaku disebabkan tindakan golongan yang tidak bertanggungjawab menjala pada musim ikan bertelur (halaman 323). Kekurangan sumber protein dalam sungai pada tahap ini belum lagi melibatkan kematian ikan akibat pencemaran sungai yang serius.

Keakraban masyarakat peribumi dengan hutan menjadikan mereka sangat mahir tentang ilmu alam sekitar dan mendapat pengaruh yang kuat daripada persekitaran. Semua kemahiran berkaitan dunia hutan telah dilatih sejak kecil bagi memenuhi keperluan masa hadapan dalam hidup mereka seperti berburu, meramu dan menangkap ikan. Mereka percaya bahawa segala keperluan dan kebergantungan dengan hutan akan berterusan hingga generasi seterusnya. Mereka menekankan

tentang keperluan anak-anak untuk mempelajari segala ilmu memburu dan pengetahuan tentang tumbuh-tumbuhan serta ubat-ubatan. Mereka bukan sahaja menggunakan hasil hutan untuk memenuhi keperluan asas tetapi juga menjualnya untuk mendapatkan wang bagi memenuhi keperluan yang lain. Mereka menganggap hutan itu penting sebagai pembekal keperluan asas dan kemahiran yang berkait dengan hutan bukan sahaja patut dipelihara tetapi wajar diperturunkan kepada anak-anak mereka (Ma'RoF & Zahid, 2008). Mereka juga beranggapan hutan yang mereka diami akan sentiasa memenuhi keperluan hidup walaupun hakikatnya semua itu akan berubah apabila kawasan hutan mula dicero boh. Pendapat ini telah diutarakan pengarang melalui tutur kata watak-watak dalam novel *Pindah* (1988) dan *Suara dari Rimba* (2008), iaitu;

“Selagi Jelu masih ada, katanya, dia belum mati. Selagi tubuh tumbuh segar di hutan, dia tidak lapar. Selagi ikan masih berenang di sungai belum tentu mati menjemputnya,” Jemat menyindir percakapan orang yang mereka maksudkan itu.

(Jong Chian Lai, 1988; 17)

“Aku dah lama tinggal dalam hutan ni. Kalau jalan sehari boleh dapat babi hutan, pelanduk dan rusa. Kalau menyelam sejam dapat sepikul ikan. Kalau rajin dapat buah-buahan. Orang yang boleh lapar dalam hutan ni, tentunya mereka yang telah dipengaruhi.” Merah wajah kedua-dua pengikut Brueno Mansel itu.

(Jong Chian Lai, 2008; 251)

Sepanjang hidup mereka, hutan membekalkan pelbagai bentuk makanan yang tidak akan habis untuk digunakan. Mereka tidak mampu membayangkan yang semua itu akan berubah apabila kawasan hutan berkenaan mula dicero boh, dibalak dan diteroka sehingga mengganggu keseimbangannya. Selagi tidak mengalami dan melihatnya sendiri, mereka menganggap perkara sedemikian sangat mustahil untuk berlaku. Hutan yang mereka diami itu sangat luas dan masih banyak kawasan belum diterokai, jadi mereka beranggapan bahawa sangat mustahil untuk seluruh hutan di

negeri Sarawak akan habis walaupun balak di tebang. Keyakinan ini dikuatkan lagi seperti petikan berikut;

"Jangan berharap sangat pada kerja membalak, tapi harus tambahkan menanam sagu. Kayu balak tidak seperti *balau*. Ia mengambil masa beratus tahun untuk tumbuh membesar. Yalah, kayu di hutan belantara akan habis. Ke mana kamu dan anak-anak kamu akan pergi, nak buat apa?" Tanyanya seakan mencemuh.

Tingkahnya ditertawakan oleh beberapa orang pemuda. "Kayu balak tak akan habis, Wa. Jangan fikir Ulu Oya saja yang ada kayu balak," celah seorang daripada pemuda itu. "Di seluruh Sarawak masih banyak kayu balak. Di Batang Igan, Bintulu, Simanggang, Marudi dan banyak lagi... kayu balak masih banyak. Beratus tahun mengerjakannya, menebang dan memotongnya pun tidak akan habis," tambahnya lagi.

"Jangan kata tak habis. Gunung yang tinggi melangit pun boleh habis, boleh runtuh kalau dimusnahkan berterusan, kalau tidak diganti." Dia ketawa sinis. "Siapakah yang gila nak tanam pokok kayu? Kecuali binatang-binatang di hutan. Kalau pokok getah, memang ada orang tanam. Tapi tidak pernah saya dengar orang menanam pokok kayu".

(Jali Hj Kenoi, 2002; 73)

Berdasarkan petikan ini, jelas menggambarkan bahawa masyarakat peribumi masih belum bersedia untuk berhadapan dengan perubahan kawasan hutan di persekitaran mereka. Anak-anak muda seronok berkerja dengan syarikat pembalakan kerana ditawarkan gaji yang lumayan berbanding tahap pendidikan mereka yang rendah atau tidak bersekolah langsung, beranggapan bahawa hutan di negeri sarawak sangat luas; walaupun dibalak, kayu balak dalam hutan Sarawak tidak akan habis hingga beratus-ratus tahun. Walau bagaimanapun, mereka terlupa bahawa mereka mengambil masa yang singkat untuk membalak di sesuatu kawasan seperti ayat "Saya difahamkan mereka membawa balik berbelas ribu ringgit apabila habis block, iaitu satu kawasan pembalakan selesai dikerjakan. Bukan lama nak menghabiskan satu block, dalam dua tiga bulan saja" (Jali Hj Kenoi, 2002; 130). Keyakinan tentang sumber alam semulajadi yang sentiasa mencukupi sebegini menyebabkan ramai yang gagal untuk berinteraksi secara lestari dengan persekitaran.

Lama kelamaan, mereka mula menyedari bahawa pembangunan turut membawa pelbagai ancaman terhadap kehidupan. Gangguan terhadap alam semulajadi ini berlaku ekoran pelanggaran etika alam sekitar dalam satu interaksi yang songsang. Kerakusan aktiviti pembalakan menyebabkan timbul impak terhadap alam sekitar, berbanding interaksi yang diamalkan masyarakat peribumi dengan persekitaran yang mereka diami (Maharam Mamat, 2009a). Sekalipun mereka begitu ingin mempertahankan kelangsungan hutan di sekeliling, namun pada masa yang sama mereka perlu akur dengan kehendak pembangunan. Dalam novel *Pindah* (1988), Jong Chian Lai mengutarakan watak Ungging yang menentang pembinaan empangan hidro kerana sebab-sebab tertentu seperti Ungging sendiri telah melihat rumah panjang dan empangan dibina oleh penjajah (orang Jepun) yang sangat dibencinya, penduduk yang berpindah membudayakan cara hidup baru bertentangan dengan cara hidup lama orang Iban, Tuai Rumah menerima rasuah/tidak jujur ketika urusan pampasan, dia dituduh gila apabila menentang kemajuan dan kesenangan, disisihkan oleh anak isterinya sendiri, serta sikap penduduk yang boros dan bongkak setelah kehidupan mereka mula senang.

Kisah dalam novel ini berlaku ketika pembinaan empangan hidro Batang Ai. Pembinaan empangan akan menenggelamkan kawasan yang luas bergantung kepada kapasiti takungan yang diperlukan. Untuk tujuan itu, ada kalanya penduduk terpaksa dipindahkan, berlaku kerosakan kepada infrastruktur dan kepupusan pelbagai spesies flora dan fauna. Bagi pencinta alam, setiap lokasi itu mempunyai keunikan yang tersendiri, khususnya hutan tropika. Spesies flora dan fauna misalnya, memang boleh dipindahkan ke kawasan lain, namun kewujudannya tidak akan sama dengan lokasi asalnya, bahkan mungkin akan pupus sama sekali (Zaini Ujang, 2009). Empangan Hidro Elektik Batang Ai merupakan kawasan empangan yang terletak di Daerah

Lubok Antu dalam bahagian Sri Aman. Empangan ini berfungsi membekalkan tenaga elektrik kepada penduduk di Sarawak, menjadi pusat pelancongan dan sumber bekalan air kepada penduduk khususnya di Daerah Lubok Antu dan mengurangkan risiko banjir bagi kawasan berhampiran. Ia dibina pada 1982 dan siap sepenuhnya menjelang tahun 1994 dengan keluasan mencakupi kira-kira 21,000 ekar. Sebanyak 26 buah rumah panjang (kira-kira 418 keluarga) yang terlibat dalam pembinaan ini dipindahkan ke kawasan penempatan semula penduduk. Projek Pembinaan empangan Hidro Batang Ai menelan belanja sebanyak kira-kira RM600 juta dan mampu menghasilkan kira-kira 108 mega wats tenaga elektrik. Kesedaran tentang kemerosotan biodiversity yang akan berlaku apabila empangan ini siap telah diterjemahkan penulis ini seperti berikut;

Pokok bukannya senang hendak dihidupkan lagi. Sampai ke anak cucu-cicit pun payah lihat ia tumbuh mengijau seperti sekarang. Sekarang haruskan manusia bertanggungjawab duduk goyang kaki mendiamkan diri? Sudah sampai masanya pokok itu terancam. Kehijauannya hilang. Tidak ada lagi. Malah kering menjadi humas di tanah kuning.

(Jong Chian Lai, 1990; 162)

Berdasarkan petikan daripada novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990) ini, pengarang cuba menyisipkan tentang kebimbangan berlaku kemerosotan mutu alam sekitar akibat perbuatan manusia sendiri. Kerakusan manusia untuk mendapatkan hasil hutan akan membawa padah kepada generasi akan datang. Teori Darwin menjelaskan bahawa kepelbagaian spesies yang wujud di sesuatu lokasi itu merupakan ekologi yang paling seimbang menerusi suatu hubungan simbiosis setelah mengalami persaingan untuk hidup (*survival of the fittest*). Jika berlaku anjakan atau perubahan, maka keseimbangan ekosistem turut berubah yang akan mengambil masa puluhan tahun untuk sampai ke tahap keseimbangan yang baru (Zaini Ujang, 2009).

Nyatanya masyarakat peribumi mempunyai hubungan yang erat dengan alam sekitar. Mereka cuba berinteraksi sebaiknya dengan persekitaran yang didiami, mengelakkan berlaku kerosakan dan menentang pencerobohan tanpa batasan (Maharam Mamat, 2009a). Masyarakat peribumi perlu bersaing dengan alam yang mereka diami bagi meneruskan kelangsungan hidup, pada masa yang sama, mereka sama-sama menjaganya dengan baik. Ini turut dibantu dengan amalan, anutan dan kepercayaan animisme yang mereka anuti.

3.1.2.2 Persaingan Antara Masyarakat Peribumi dan Tuhan @ Kuasa Supernatural

Masyarakat peribumi tinggal di kawasan persekitaran hutan yang masih kuat berpegang kepada nilai dan kepercayaan tentang alam sekitar yang menjadi sumber dan panduan dalam kehidupan mereka. Hutan dan alam semulajadi ini mempengaruhi cara hidup, nilai, kepercayaan dan norma (Ma'Rof & Zahid, 2008). Alam bagi peribumi juga terkandung pelbagai jenis semangat, termasuk semangat cintakan bumi itu sendiri. Oleh itu timbul seolah-olah piagam atau kontrak yang termaktub di antara peribumi dan alam yang dapat dilihat dalam tradisi lisan masyarakat ini. Sejak kecil, mereka telah ditanam dengan unsur-unsur yang terhimpun sebagai perjanjian dengan alam yang membekalkan rezeki disekeliling. Perjanjian dengan alam juga melibatkan falsafah yang khusus terhadap fauna yang perlu dipertahankan pada peringkat simbolik kerana fauna itu ada menifestasi manusianya. Maka ia tidak wajar dibunuh. Haiwan-haiwan tertentu dibunuh kerana dagingnya diperlukan untuk menyara hidup (Hood Salleh, 2004).

Masyarakat peribumi menganggap bahawa elemen budaya mereka masih tinggi walaupun tidak dapat dinafikan mereka menerima budaya material daripada

masyarakat arus perdana. Namun anasir budaya bukan kebendaan mereka seperti nilai, norma dan kepercayaan masih lagi tinggi berbanding budaya masyarakat yang lain. Mereka beranggapan “*Kami Orang Asli, cara hidup kami masih asli, masih asal*”. Elemen budaya mereka masih lagi kukuh, seperti kepercayaan mereka (agama animisme walaupun tidak lagi mengamalkan sepenuhnya seperti yang diamalkan oleh nenek moyang mereka dahulu), memandang tinggi terhadap hubungan kekeluargaan yang erat, saling bantu membantu dan berkerjasama, hormat menghormati, taat kepada ketua dan sebagainya (Ma’Rof & Abdul Razak, 2008). Mereka memanfaatkan pelbagai jenis flora dan fauna, serta benda-benda bukan hidup dan segala macam unsur alam yang lain seperti bunyi-bunyian hidupan hutan, kilat, guruh dan hujan sebagai simbol yang membawa erti dalam kehidupan seharian (Hanina & Asnarulkhadi, 2008). Kepelbagaian unsur ini banyak menentukan corak hidup seharian mereka. Tindak tanduk haiwan seperti “burung helang yang tiba-tiba terbang dengan riuhnya kerana takutkan sesuatu itu menunjukkan tanda-tanda buruk” (Jong Chian Lai, 1990; 171) mempunyai makna yang tersendiri seperti dinyatakan dalam petikan di bawah;

Seekor burung helang terbang cepat dari dahan engkabang. Bunyinya agak kuat. Burung itu takutkan sesuatu. Dan Jabau merasa itu tanda-tanda yang tidak baik buatnya. Hatinya mula risau. Terasa ada sesuatu berlaku di Nanga Tiga. Tapi dia meneruskan kerjanya juga. Tidak mengendahkan langsung tanda-tanda itu. Tapi tentu ada kebenarannya, fikir Jabau. Darahnya naik gemuruh. Hatinya tidak sedap. Jabau berhenti mengikat rotan pada buluh di atas bumbung. Kemudian dia melingas-lingas ke hujung anak sungai kecil itu. Tidak kelihatan apa-apa yang ganjil.

(Jong Chian Lai, 1990; 168)

Pada halaman 24, Jong Chian Lai (1990) menukikan tentang “terciumkan sesuatu yang kurang sedap” seperti darah sehingga menyebabkan watak tersebut mengingat semula tentang “burung ketupong yang belum bersiul dua kali”. Dalam kritikan Eko, alam dan budaya saling berhubungan dan berkait rapat (Howarth, 1994).

Jong Chian Lai menggunakan burung (helang dan ketupong) sebagai subjek untuk mengangkat budaya peribumi yang mempengaruhi kehidupan mereka. Melanggar pantang nenek moyang boleh membawa akibat buruk dalam kehidupan mereka. Jadi interaksi bersifat lestari telah dibudayakan dalam masyarakat ini sehingga mereka begitu berhati-hati dalam setiap tingkah laku dan perbuatan.

Dalam novel *Kelingkang* (1998), burung mempunyai fungsi yang lain pula. Sekumpulan pemuda yang sedang melakukan acara ngayau perlu mendapatkan mimpi yang bagus. Acara ngayau hanya dilakukan apabila memperolehi mimpi yang baik sahaja berdasarkan tanda-tanda yang dilihat pada burung-burung yang mereka temui sepanjang perjalanan pada hari tersebut. Masyarakat peribumi sangat bimbang andai burung-burung yang ditemui pada hari tersebut tidak mendorong kepada mimpi yang baik sebagai tanda restu *Petara* bagi meneruskan ngayau seperti dalam ayat "Mana tahu, wai. Entah-entah alamat burung kita tak bagus. Mimpi malam ni tak kena. *Petara* tak merestui serangan kita," (Douglas Jaga, 1998; 25).

Kehidupan masyarakat peribumi kaya dengan pantang larang. Semasa menuai hasil huma juga, mereka tidak boleh melakukan sembarangan tanpa memohon izin daripada *petara* padi dengan melakukan upacara *matah padi*. Upacara *matah padi* yang dilakukan sebelum menuai sepenuhnya di huma masing-masing telah diperincikan pengarang pada halaman 319 dan 320. Padi hanya boleh dituai dari huma apabila upacara *matah padi* dilakukan. Tanpa melakukan upacara ini, mereka bimbang akan dimarahi *petara*, iaitu *Sempulang Gana*. Kemarahan *petara* akan mempengaruhi kehidupan mereka apabila hasil huma tidak menjadi akibat diserang penyakit, dimakan binatang atau dilanda musim kemarau yang menyebabkan tanaman mereka tidak mengeluarkan hasil. Kemarahan *petara* ini juga bererti mereka tidak akan mendapat sumber makanan pada musim tersebut. Ini sangat ditakuti

masyarakat peribumi kerana mereka tidak mempunyai sumber makanan alternatif yang lain kecuali padi huma dan sumber hutan.

Perkara yang sama perlu dilakukan apabila mereka mahu menebang pokok yang besar. Mereka sangat percaya bahawa pokok besar mempunyai penunggu atau pemiliknya. Jadi, keizinan perlu diminta sebelum menebangnya. Menebang pokok besar tanpa memohon izin daripada penunggu atau hantu umpama mencari musibah. Pada halaman 329 hingga 331 pengarang memperincikan tentang pantang larang yang perlu dipatuhi masyarakat peribumi sebelum menebang sebatang pokok. Ketakutan terhadap kuasa supernatural membuatkan mereka secara tidak langsung telah berinteraksi secara lestari dengan alam sekitar. Ketakutan terhadap penunggu, hantu dan kuasa ghaib mendorong mereka agar tidak melakukan penebangan hutan dan pokok dengan sembarangan, tetapi memastikan sumber alam yang diambil benar-benar diperlukan dalam kehidupan seharian walaupun terdapat sumber yang banyak di sekeliling mereka. Ini mendorong kearah penggunaan sumber secara lestari tanpa melakukan pembaziran. Pantang larang dan kepercayaan yang mereka amalkan dalam kehidupan seharian telah mendorong untuk sentiasa berinteraksi secara harmoni dengan alam, yang secara tidak langsung menyebabkan alam sekitar sekeliling mereka terjaga, tidak dieksploitasi dan dimusnahkan sewenang-wenangnya seperti terdapat dalam petikan berikut;

"Orang pernah kata kayu besar ada penunggu, apai. Macam mana nak tebang?"

"Senang saja. Kita suruh penunggu itu pindah. Jangan terus ganggu mereka"

"Apa harus kita buat untuk menyuruh mereka pindah? Kita tak boleh bercakap dengan mereka."

"Kita buat *piring*. Kemudian, kita letakkan seruas buluh yang penuh dengan air di banir pokok berkenaan. Kalau air dalam ruas tu hilang, bererti penunggu tak nak pindah. Kalau airnya masih banyak, mereka bersetuju untuk pindah. Lepas tu, barulah kita tebang."

"Susah benar macam tu. Bukankah lebih mudah kalau kita tebang saja,"

"Jangan sekali-kali buat macam tu, Ada. Semua kayu dalam hutan ada *petara* sendiri. Jangan kacau Serigu, antu kayu. Orang yang menebang kayu sembarangan tidak akan selamat. Kayu yang ada penunggu sama sekali tidak boleh diganggu. Bahaya.

Perbuatan macam itu sengaja menempah maut. Hantu akan keluar dan menyerang orang yang mengganggunya"

(Douglas Jaga, 1998; 331)

Masyarakat Lun Bawang dalam *Anak Ruma' Kadang* (2007) mempercayai banyak pantang larang dan kepercayaan berkaitan dengan alam sekitar. Mereka perlu memohon izin dan restu dari alam roh sebelum memulakan sebarang bentuk pekerjaan seperti menebas dan membersihkan kawasan pertanian baru (halaman 59). Mereka sangat mempercayai bahawa roh atau makhluk halus yang menjaga sesuatu tempat akan menjelma menjadi burung *mengei*, ular atau *talau* yang dianggap sebagai perantara antara dunia ghaib dan dunia manusia. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka terserempak dengan ular semasa memulakan pekerjaan, mereka perlu menghentikan pekerjaan tersebut kerana dipercayai tidak mendapat restu dari alam roh. Sekiranya mereka tetap berkeras meneruskan pekerjaan itu dikhuatiri mereka akan mendapat bala atau kesukaran (halaman 62) (Maharam, 2010a).

Semua kepercayaan dan pantang larang ini begitu sinonim dan menjadi darah daging dalam masyarakat peribumi. Ini menjadikan mereka lebih menghormati, tertib dan tidak membazir apabila berinteraksi dengan alam sekitar. Ketakutan-ketakutan berkenaan menjadikan mereka sebagai masyarakat yang cukup menjaga dan menghormati persekitaran serta tidak haloba untuk mengautnya berbanding masyarakat luar. Dialog "Aku fikir kita ni pun dah kaya. Dan maju, tuan, Macam-macam yang sudah ada di rumah panjang. Semua ada padi. Tak pernah lapar. Semua ada *tawak*, *bebendai*, *tajau* dan benda-benda lain," (Douglas Jaga, 1998; 166) dan dialog "Hidup kita sekarang pun sudah senang. Cukup makan. Hasil huma memuaskan tiap-tiap tahun," (Douglas Jaga, 1998; 166) merupakan pernyataan yang menggambarkan nilai kesederhanaan yang wujud dalam minda masyarakat ini.

Mereka hanya menggunakan sumber alam untuk memenuhi keperluan hidup sahaja, bukannya melakukan eksploitasi, mengakibatkan kerosakan dan penguasaan terhadap sumber untuk memperolehi kekayaan, kesenangan dan sumber ekonomi yang tinggi berdasarkan nilai wang.

Masyarakat peribumi juga sangat dipercayai mimpi. Mimpi berperanan sebagai petanda atau alamat yang akan menentukan corak kehidupan mereka pada masa hadapan. Jais Sahok dalam *Jagung Pulut Pusaka Moyang* (2001) telah mengetengahkan mimpi Emak bertemu dengan orang tua berjanggut putih yang panjang ketika melahirkan anak ketiganya. Keengganan Emak untuk mengikut arahan seperti dalam mimpinya menyebabkan dia keguguran (Maharam, 2010a). Penulis memperincikan tentang mimpi-mimpi emak pada halaman 54,55 dan 56. Mimpi seumpama itu tidak boleh dipandang ringan, mengambil mudah hal-hal bersifat mistik sebegitu akan menyebabkan kuasa supernatural marah dan bertindak melakukan sesuatu. Emak menerima padah apabila tidak mengendahkan mimpinya. Bayi yang dikandung Emak juga keguguran. Dia menganggap tragedi ini sebagai musibah akibat engkar dengan amalan dan kepercayaan nenek moyang mereka sebelum ini.

Dalam novel *Kelingkang* (1998) pula, mimpi merupakan unsur utama menentukan tindakan yang patut mereka laksanakan seterusnya. Mereka perlu mencari mimpi untuk mengetahui keizinan *Petara* melakukan ngayau seperti diarahkan Aya Jangkam Bulan pada halaman 24. Mereka sangat bimbang sekiranya tidak diresnui *Petara* (halaman 25). Walau bagaimanapun, mereka merasa lega apabila memperolehi mimpi yang baik (halaman 27 dan 28). Mimpi yang dialami Indai Lang (emak kepada Lang dan Sada) pula mendorong mereka melakukan gawai kerana mimpi itu yang mempunyai alamat yang baik (halaman 153). Gawai telah

diadakan tetapi penyakit yang dideritai Sada masih juga tidak sembuh. Ada masanya penyakit itu bertambah-tambah serius sehingga akhirnya Sada sendiri yang mendapat mimpi (halaman 207 dan 208). Penyakit “dimasuki hantu” yang dideritai Sada akhirnya telah sembuh sepenuhnya setelah acara gawai dilaksanakan Lemambang Garai.

Walau bagaimanapun, mimpi yang dialami Lang adalah mimpi yang tidak elok (halaman 379 dan 380). Apabila Lang mendapat mimpi yang tidak baik, mereka sangat risau akan berlaku perkara yang buruk. Mereka perlu melakukan jampi untuk menghalau perkara buruk itu dan memastikan tidak ditimpa malapetaka atau kesusahan. Apabila dijampi, alamat buruk berkenaan boleh dihindari (halaman 381). Beberapa ketika setelah mendapat petanda buruk melalui mimpi, Apai Lang (ayah Lang dan Sada) telah jatuh sakit. Penyakitnya sangat serius (halaman 255 dan 270). Dalam perjalanan menuju ke hospital semasa menziarahi Apai Lang pula, mereka satu keluarga telah ditimpa kemalangan jalan raya. Walaupun kecederaan Sada tidak serius tetapi kecederaan yang dialami Lang agak teruk hingga retak kepala, mengalami pendarahan otak dan hilang ingatan untuk seketika (halaman 383) hingga menuntut dia dirawat di Kuching.

Melanggar pantang larang akan mengakibatkan mala petaka (kecelakaan) seperti sakit, cedera dan mati. Mereka mempercayai bahawa “*Hutan ini hantu hutan yang punya. Dan tanah ini hantu tanah yang punya. Bukan hak orang hutan.*” (Jong Chian Lai, 1990; 40). Kesukaran yang dialami di kawasan yang mereka diami berpunca daripada “tiada restu” daripada dewa menyebabkan “tanaman mereka didatangi penyakit sepanjang tahun” (halaman 38). Situasi itu disebabkan “dewa marah” sehingga mereka semua mendapat susah kerana “ditegur dewa” (halaman 199). Kepercayaan sebegini mendorong mereka berinteraksi secara berhemah dengan

persekitaran, tidak merosakkan alam dan menggunakan sumber alam secara wajar. Dalam novel *Anak Ruma' Kadang* (1998), Lang pernah dihalang daripada memancing di sebatang sungai kerana dipercayai “berpuaka” (halaman 133) walaupun terdapat banyak ikan di sungai tersebut. Sungai itu dihindari semua penduduk kerana mitos dan kepercayaan terhadap kewujudan dewa yang menjaganya seperti petikan berikut;

...sungai yang selalu menjadi tempat dia memancing itu adalah hadiah khas daripada seorang dewa yang turut bersedih apabila dia mendengar suara tangisan seorang anak kecil yang kehilangan ibunya. Ketika itu, musim kemarau sedang melanda...seorang ibu malang telah melahirkan seorang anak. Ibu itu tidak bermaya, kehausan dan kelaparan. Suara anak yang menagih susu tidak pula diendahkan oleh sesiapa pun, anak itu pun terus menangis. Suara tangisannya bergema mengisi ruang udara yang diranduk angin kering. Suara itu telah didengar oleh seorang dewa yang sedang dalam perjalanan ke lapisan langit yang ketujuh. Dewa yang turut bersedih itu segera mengambil anak itu sambil mengatakan sesuatu. Sejurus selepas itu, tempat air mata anak kecil itu jatuh telah menjadi mata air yang seterusnya menjadi sebatang sungai. Air sungai itulah yang kemudiannya menyelamatkan semua penghuni di situ yang sedang dalam kesengsaraan.

(Douglas Jaga, 1998; 136)

Kepercayaan dan upacara yang dilakukan masyarakat peribumi berkait rapat dengan hutan dan alam semulajadi serta makhluk halus yang mereka percayai mendiami kawasan hutan. Mereka tidak meninggalkan kepercayaan lama dan masih berpegang teguh terhadap kepercayaan kuasa ghaib walaupun telah berpindah ke kawasan yang telah dimajukan (Ma'rof & Zahid, 2008). Mereka takutkan hutan rimba sebagai ruang misteri (kadangkala dipenuhi oleh lambang dan mambang ghaib dan rayip) kerana khuatir dengan unsur-unsur di dalam alam tersebut, iaitu takut kononnya apa bakal dilakukan kepada manusia yang kurang tahu tentang alam (Hood Salleh, 2004). Rasa takut berkenaan disimbolkan melalui interaksi mereka dengan alam. Contoh berikut menerangkan tentang ketakutan berkenaan;

Beberapa orang tua dari rumah panjang yang berhampiran menyatakan mereka pernah melihat sesuatu yang luar biasa di tempat itu. Ada yang mengatakan mereka melihat perempuan cantik. Ada pula yang mengatakan mereka melihat lembaga berwajah

hodoh. Terdapat seorang dua yang mengatakan mereka melihat seekor ular berwarna kuning keemasan. Beberapa ketika dulu, orang-orang rumah panjang pernah membuat *piring* di situ. Mereka membawa ayam, bertih, *tumpi*, tuak, telur, nasi buluh, rokok daun apung dan sirih. Setelah itu, jampi pula menyusul melalui jampi. Mereka meminta supaya penunggu tidak mengganggu perahu yang lalu di situ....Tempat itu berbahaya kerana di tengah-tengah sungai terdapat batu besar. Perahu yang terlanggar batu itu pasti akan karam. Begitu juga, arus air yang menghakis tebing menjadikan tebing curam lagi licin serta susah untuk seseorang berpaut, bagi menyelamatkan diri ketika perahu karam.

(Douglas Jaga, 1998; 192)

Pengarang telah mengemukakan dua pendekatan yang berbeza dalam petikan ini berdasarkan kepercayaan masyarakat peribumi yang sangat mempercayai kuasa supernatural dalam kehidupan mereka dan pandangan pengarang berdasarkan struktur alam secara saintifik. Masyarakat peribumi sangat percaya bahawa kawasan sungai berkenaan berpenunggu sehingga mereka melakukan upacara piring bagi memujuk makhluk alam ghaib agar tidak mengganggu manusia yang menggunakan sungai itu. Jika dilihat dari sudut saintifik, pengarang menyatakan tentang struktur fizikal tebing sungai yang licin dan terdapat batuan besar di tengah-tengah sungai yang akan menyebabkan perahu yang terlanggar akan karam. Batu berkenaan tenggelam dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar apabila kapasiti air sungai melimpah. Hal ini menyebabkan pengemudi bot yang tidak biasa dengan lokasi tersebut tidak menyedari tentang kewujudan batu ini sehingga berlaku kemalangan.

Dalam novel *Mesap* (2002), masyarakat Melanau yang diangkat dalam pengkisahan novel ini merupakan penganut agama Islam. *Hikayat Sarawak* (1932) menggambarkan suku kaum Melanau sebagai satu kaum yang hampir sama warna kulit dan perawakannya dengan masyarakat Melayu dengan sebahagian besar daripada mereka telah memeluk agama Islam (halaman 57). Walau bagaimanapun, kehidupan mereka masih lagi tidak dapat dipisahkan dengan amalan dan kepercayaan tradisi anutan animisme yang dipegang sejak nenek moyang lagi. Ini mewujudkan

konflik antara pegangan Islam dan amalan berdasarkan kepercayaan animisme seperti mempercayai kuasa hantu untuk mengubat penyakit sebagai satu amalan yang syirik (halaman 106). Jali Haji Kenoi mengemukakan kritikan tentang amalan kepercayaan nenek yang bertentangan dengan agama Islam, namun, amalan sebegini berleluasa dalam masyarakat. Ramai penganut agama Islam sendiri sukar untuk membezakan amalan berkenaan salah di sisi Islam, apa lagi kepada penganut agama yang lain seperti ditulis pengarang pada halaman 75.

Walaupun bagaimanapun, tidak semua amalan, kepercayaan dan pantang larang yang diamalkan golongan lama tidak boleh dipraktikkan dalam kehidupan sekiranya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Masyarakat Selako umpamanya, dinasihati tidak membawa binatang peliharaan apabila masuk ke hutan. Larangan ini dibuat kerana dibimbangi kehadiran binatang berkenaan menarik perhatian binatang buas yang sudah pasti bakal mengancam keselamatan. Ini dikukuhkan lagi dengan pendapat mereka tentang kepentingan mengikut dan menghormati kepercayaan orang-orang tua sejak berzaman (halaman 18 & 19) kerana golongan ini lebih dahulu menimba pengalaman hidup berbanding orang-orang muda. Berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui itu, amalan dan pantang larang telah dicipta bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang. Dalam novel *Mesap* (2002), Jinab mengalami satu situasi atau keadaan yang tidak begitu selesa; dadanya berdebar-debar dengan kencang dan kelopak mata sebelah bawah bergerak-gerak (halaman 82), mereka menganggap situasi itu sebagai petanda. Apabila Jinab sakit kemudiannya, sakit tersebut dikatakan angkara hantu. Walaupun Jinab mungkin tidak mengganggu hantu berkenaan, sakit itu barangkali disebabkan oleh bapanya, Abang Ajim yang mengganggu sarang hantu semasa berada di hutan atau sungai (halaman

220). Bagi menghalau hantu tersebut, upacara *puyun* dilakukan dengan menyediakan pelbagai sembahsan seperti petikan berikut;

Sejak kelmarin, orang ramai sibuk bekerja keras membantu membuat persediaan. Ada yang pergi ke hutan mengambil dahan-dahan *balau* untuk membuat *rabong*, dan diketuai oleh Lingas. Mereka bertanggung-jawab membuat replika sebuah kapal menangkap ikan. Di dalamnya dimuatkan dengan pelbagai jenis dan saiz patung *beloom*. *Rabong* itu pula dihiasi dengan bendera-bendera kecil berwarna-warni. Kaum perempuan yang mahir menganyam, membuat beberapa buah ancak daripada kulit dahan rumbia. Ia bertiangkan batang buluh yang sederhana besar. Ancak-ancak ini kelak akan dipacakkan di sebelah kanan muara anak-anak sungai yang berdekatan, menurut abuuk bomoh. Ia tidak boleh diganggu, tidak boleh dipermain-mainkan kerana takut *ipuuk-ipuuk*, iaitu semangat yang mengunjungnya naik marah, katanya. Ia boleh membuat orang sakit. Manakala *tetileeb*, iaitu sejenis perhiasan daun berlidi dan dicucukkan pada dahan rumbia, dibuat oleh dua tiga orang perempuan.

(Jali Hj Kenoi, 2002; 91)

Bahan-bahan yang digunakan dalam upacara *puyun* ini keseluruhannya diperolehi daripada alam sekitar semulajadi. Dalam masyarakat Melanau, sagu merupakan sumber ekonomi utama dan menjadi nilai kekayaan mereka. Ini menyebabkan mereka sangat menghargai sagu termasuk digunakan untuk perubatan tradisional (halaman 70). Ini kemudiannya diakui pengarang ini dengan ayat “Selagi sagu masih menjadi makanan utama kaumnya, selagi itulah pengaruh sagu, dan yang berkaitan dengannya, seperti mempercayai kuasa *beloom*, kuasa *rabong* dan yang seumpamanya, sukar nak dikikiskan daripada amalan kaum Melanau,” (Jali Hj Kenoi, 2002; 93). Ketakutan terhadap kuasa-kuasa alam ini juga mendorong mereka melakukan pelbagai bentuk upacara dan amalan tradisional seperti miring dan gawai yang bermaksud menjauhi bala dan memohon perlindungan daripada roh, dewa atau tuhan.

Upacara sebegini dilakukan apabila mereka masuk ke rumah baru, memulakan apa-apa pekerjaan dan memohon keizinan roh atau dewa dalam upacara tolak bala. Upacara miring ini telah dikemukakan pengarang ini secara terperinci dalam novel

Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga (1990) pada halaman 141 hingga halaman 154. Novel yang sama juga turut memaparkan tentang beberapa perkara lain yang melibatkan kepercayaan masyarakat peribumi seperti kepercayaan meletakkan patung berupa kepala manusia di tangga rumah dapat menghalau hantu (halaman 45 dan 79) dan menghormati keputusan Tuai Rumah sebagai peneraju adat (halaman 77). Rumah panjang pula perlu didirikan mengikut adat, pantang larang dan dibacakan mantera tertentu semasa proses membinanya bagi mengelakkan berlaku perkara yang tidak diingini. Dalam novel *Pindah* (1988), antara sebab Ungging tidak mahu berpindah ke petempatan baru yang disediakan pihak kerajaan kerana amalan dan kepercayaan tradisi tidak diterapkan semasa pembinaan rumah tersebut. Ini dinyatakan dalam petikan berikut;

Rumah panjang baru tidak didirikan mengikut adat pantang larang dan tidak dibacakan mantera atau serapah. Rumah itu telah dibangunkan mengikut kehendak kontraktor memacakkan tiang. Sepatutnya tiang rumah ketua dihunjam dulu, kemudian menyusuli bilik anak buahnya yang lain. Ini tidak. Semuanya dibina sama saja. Adat turun-temurun begitu tidak boleh dihapuskan dari masyarakat. Mereka sudah lupa adat-adat itu mendatangkan kerukunan kepada keluarga di dalam rumah panjang. Atau sengaja mereka singkirkan adat itu.

(Jong Chian Lai, 1988; 29)

Tanpa mengamalkan kepercayaan dan adat resam tradisi dalam setiap sudut kehidupan dianggap sengaja mengundang kemarahan para dewa, sama seperti sengaja menempah kesusahan. Antara adat resam dan upacara lain yang sentiasa diamalkan ialah upacara gawai. Dalam masyarakat peribumi, terdapat pelbagai jenis upacara gawai seperti gawai untuk menyembuhkan penyakit, memulakan acara huma atau menuai, gawai sempena kematian dan sebagainya. Gawai Kelingkang telah diamalkan dalam novel *Kelingkang* (1998) sebagai satu usaha untuk menghalau hantu yang masuk ke dalam badan Sada. Masyarakat peribumi sangat percaya bahawa penyakit yang mereka hidapi disebabkan hantu yang boleh dihalau melalui

upacara gawai. Setelah pelbagai manang, dukun, bomoh Cina dan bomoh Melayu dijemput tetapi masih tidak menyembuhkannya, Apai Lang tetap berusaha mencari dukun terbaik (halaman 77) sehingga menjemput Lemambang Garai. Dia merupakan lemambang terkenal yang dianggap keramat dan hebat seperti petikan di bawah;

Dan setahunya, orang yang hendak dijemput oleh bapanya adalah orang yang terkenal dalam bidang jampi. Menurut cerita yang pernah didengarnya, ramai orang yang sakit telah sembuh selepas dijampi oleh Lemambang Garai. Dia dikatakan mempunyai kuasa luar biasa. Semasa menjampi, dia dikatakan dapat menghilangkan diri. Dia keramat. Dia boleh ditukar wajah, boleh menjadi cicak dan ular. Pada jampi Lemambang Garai itulah bapanya menaruh harapan dalam usahanya hendak menyembuhkan Sada.

(Douglas Jaga, 1998; 68)

Masyarakat peribumi juga mempunyai lebih banyak pantang larang perlu dipatuhi pabila melangsungkan upacara gawai untuk mengubati penyakit. Ini diamalkan bagi menjamin penyakit yang diubati dapat disembuhkan dan tidak menjangkiti orang lain pula akibat kemarahan para petara dan dewa. Mematuhi pantang larang bermakna memohon restu seperti ayat "Benda ini tidak boleh disentuh dalam masa tiga hari," (Douglas Jaga, 1998; 143). Masyarakat rumah panjang dan pesakit yang dirawat perlu mematuhi semua pantang larang bagi memastikan upacara gawai dan miring yang dilakukan sebelumnya disenangi dan diberkati para dewa. Sepanjang berlangsung upacara gawai juga terdapat pantang larang lain perlu dilakukan supaya penyakit yang sedang diubati itu tidak berjangkit kepada orang lain, antaranya;

Gawai ini dianggap sebagai gawai orang sakit. Sedikit silap, penyakit orang yang mengadakan gawai itu boleh berpindah kepada sesiapa yang tidak bernasib baik, kononnya begitulah. Yang hadir mesti berkelakuan baik. Duduk pun tidak boleh membelakangi orang. Kalau berjalan pun tidak boleh melintas sembarangan di hadapan orang lain. Kalau berbual-bual pun mesti fasal perkara yang baik-baik saja. Seseorang itu pula tidak boleh berada dekat dengan pintu. Kononnya takut dipijak hantu yang nakal.

(Douglas Jaga, 1998; 198)

Bagi mengelakkan jangkitan penyakit yang dipercayai dibawa oleh hantu itu, mereka akan cuba untuk tidak menghadiri upacara gawai yang bersifat mengubati penyakit. Kelambu dikatakan sebagai tempat yang paling selamat untuk mereka berlindung kerana dianggap seperti gua yang dapat menahan kemasukan hantu dan jembalang (halaman 267). Selain daripada itu, mereka juga perlu mematuhi beberapa pantang larang lain agar tidak ditimpa malang (halaman 268). Sekiranya pantang berkenaan dilanggar, mereka akan terkena sumpahan hantu. Mereka mungkin akan mengidap penyakit yang lebih dahsyat daripada penyakit yang dideritai pesakit yang sedang diubati.

Barang-barang dan semua peralatan yang digunakan untuk semua upacara pemujaan, jamu, miring atau gawai seluruhnya diperoleh daripada alam sekitar semulajadi seperti kemeyan, buah pinang, sirih, beras, bertih, tuak, rumbia dan sebagainya. Semua barangan ini begitu hampir dengan kehidupan seharian mereka. Terdapat perbezaan antara upacara gawai mengikut tujuan gawai dilakukan seperti meraikan kemenangan, mengubati penyakit, menolak bala dan sebagainya. Malah upacara gawai juga terdapat perbezaan apabila dijalankan oleh suku kaum yang bebeza. Novel *Libau Rentap Rimba* (2008) telah mengetengahkan bagaimana upacara Gawai Kenyalang disambut dalam masyarakat Iban Sekrang yang diketuai oleh Libau. Libau telah mengadakan sambutan Gawai Kenyalang untuk meraikan kemenangannya semasa menentang Brooke, mensyukuri dengan perlindungan para petara alam dan kuasa sakti dari kayangan terutama semasa peperangan, dan memohon agar para hadirin sentiasa diberkati, sihat dan dilanjutkana usia (halaman 49).

Dalam upacara gawai dan perayaan seumpama ini, mereka akan menggunakan pelbagai bentuk mentera dan menyertakan sembahen berupa ayam

putih, bertih dan babi. Sembahan seperti babi akan disembelih dan dilihat bentuk hatinya. Sekiranya hati babi berkenaan sempurna dan cantik, bererti sembelihan atau persembahan mereka telah diterima oleh para dewata, tetapi jika hati babi tersebut tidak sempurna, terdapat kecacatan dan kecil bentuknya, bermakna gawai atau miring yang dilakukan tidak diterima atau tidak diperkenankan oleh kuasa supernatural. Mereka akan dimarahi. Kemarahan ini bermakna mereka berada dalam ambang bahaya. Mereka akan mendapat tulah, bahaya dan sengsara serta perlu berhadapan dengan kemarahan kuasa-kuasa supernatural. Akibatnya, kehidupan mereka tidak akan selamat kerana perlu berhadapan dengan bencana, kesukaran, kesengsaraan hidup berupa penyakit, gangguan mistik, kekurangan rezeki, malah, hingga perlu berhadapan dengan kematian.

Dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990) persaingan antara masyarakat peribumi diwakili oleh kaum penan. Masyarakat Penan merasa sangat kecewa, marah dan takut dengan kesan pembangunan yang berlangsung. Perasaan berkenaan wujud setelah mereka kehilangan sumber kekayaan daripada persekitaran semulajadi yang pernah dimiliki sebelum ini, lebih-lebih lagi apabila hasil program yang dilaksanakan tidak boleh dijadikan sebagai ganti kepada kehilangan sumber kekayaan berkenaan. Mereka juga takut kerosakan persekitaran akan menimbulkan kemarahan kuasa supernatural (Tuhan). Sungguhpun mempercayai biodiversity dari persekitaran semulajadi dijadikan Tuhan untuk kegunaan dan kemudahan manusia, tetapi pada masa yang sama Tuhan melarang penggunaannya secara berlebihan sehingga mengakibatkan kemusnahan. Mereka percaya bahawa manusia yang melanggar larangan akan dicela (dihukum), iaitu mereka akan diturunkan petaka alam seperti ribut, banjir dan mungkin juga penyakit yang begitu menyiksakan dan boleh membawa kematian. Walaupun kesalahan berkenaan dilakukan oleh

masyarakat luar, tetapi kebimbangan mereka terhadap petaka yang diturunkan Tuhan turut menimpa kaum mereka (Ramle Abdullah, 2008). Keengganan Apai Kertau sebagai Tuai rumah panjang menghentikan pembalakan di kawasan mereka walaupun didesak oleh Jabau dikatakan menjadi punca kemarahan penunggu hutan. Sekalipun upacara miring telah dilakukan agar perkara tersebut tidak berlaku, Atot telah menjadi mangsa apabila dihempap batang balak yang tumbang. Kejadian ini mengembirakan Jabau (halaman 113) yang memperjuangkan kehijauan hutan yang mereka diami.

Animisme mempercayai dan menghormati alam sebagai sebahagian daripada tugas manusia yang diamanahkan untuk menjaganya kerana kehidupan mereka hampir sepenuhnya diabdikan kepada alam semulajadi. Walaupun mereka terdedah kepada alam semulajadi secara terus, tetapi mereka tidak mengetahui tentangnya secara saintifik, menyebabkan wujud ketakutan terhadap perkara-perkara yang tidak diketahui. Kejahilan ini mencetuskan pelbagai kepercayaan dalam masyarakat mereka terhadap kepelbagaian fenomena alam semulajadi (Mashitoh, 1999). Kepercayaan terhadap animisme secara total telah diketengahkan Jong Chian Lai dalam *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* pada halaman 142, 154, 155, 171, 173, 199 dan 205 (Maharam & Mashitoh, 2002).

Salah satu perkara yang sangat dihormati dalam masyarakat peribumi ialah kawasan perkuburan. Mengganggu perkuburan nenek moyang boleh menimbulkan kemarahan mereka seperti yang berlaku dalam beberapa kes di negeri Sarawak yang melibatkan pengambilalihan tanah termasuk tanah perkuburan masyarakat peribumi untuk pelbagai projek pembangunan seperti pertanian dan pembinaan empangan. Bagi masyarakat adat, kawasan-kawasan di bawah hak adat merangkumi semua kawasan yang diperolehi mengikut undang-undang adat, termasuk tanah ladang dan

kebun, tapak perkuburan, kawasan keramat nenek moyang, hutan simpan masyarakat dan hutan sekeliling yang digunakan untuk kelanjutan kegiatan-kegiatan sara hidup dan perluasan kawasan pada masa depan (Maharam Mamat, 2009a). Walau bagaimanapun, tafsiran yang sempit mengenai hak-hak adat oleh kerajaan Sarawak juga bertentangan dengan keputusan berulang mahkamah-mahkamah di Sarawak dan Malaysia yang menyokong fahaman tentang hak-hak adat yang lebih luas, dan undang-undang antarabangsa serta piawai RSPO (Lin, 2008) menyebabkan isu berkenaan berpanjangan dan tidak pernah selesai.

3. 2 KESIMPULAN

Berdasarkan analisis terhadap beberapa buah novel dihasilkan penulis Sarawak terpilih, didapati terdapat interaksi yang kuat antara karya dan alam sekitar dari sudut persaingan antara spesies. Persaingan interspesies dalam kajian ini hanya menganalisis persaingan antara manusia dan manusia, mendapati bahawa berlaku persaingan antara masyarakat peribumi dan masyarakat luar dan, persaingan antara penjajah dan masyarakat tempatan yang menjadi antara isu paling kerap dibincangkan dalam novel-novel kajian. Ini menyebabkan wujud golongan yang ditindas, dianiaya dan berlaku ketidakadilan. Penulis juga cenderung untuk mengembalikan semula nostalgia semasa zaman penjajahan British dan Brooke dengan menghidupkan kembali tokoh tempatan, pahlawan kaum tertentu seperti Rentap dan pembesar Melayu yang pernah tertulis dalam sejarah negeri Sarawak. Cara ini menyerlahkan tentang wujudnya persaingan antara penjajah dan masyarakat tempatan yang berjuang untuk mempertahankan negeri Sarawak.

Persaingan interspesies juga berlaku antara masyarakat peribumi dan masyarakat tempatan yang lain (bukan peribumi). Masyarakat peribumi termasuk Penan, Selako, Iban dan Melanau digambarkan terpaksa bersaing dengan masyarakat luar untuk meneruskan kehidupan apabila sumber alam telah diteroka sedikit demi sedikit. Masyarakat luar dianggap sebagai penceroboh dan cuba merosakkan alam sekitar apabila aktiviti pembalakan (termasuk pembalakan haram) dijalankan dengan giat tanpa menghiraukan kelestarian alam. Persaingan antara masyarakat peribumi dan masyarakat luar tidak memihak langsung kepada masyarakat peribumi yang hidup serba kekurangan sama ada dari segi material, teknologi, kuasa politik ataupun pengaruh. Bagi sebahagian daripada masyarakat Penan yang masih mengamalkan cara hidup nomad, persaingan berkenaan menyebabkan mereka akhirnya terpaksa mengalah dan berpindah jauh ke dalam hutan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Persaingan intraspesies berlaku dengan hebat antara manusia dan alam serta melibatkan masyarakat peribumi dan kuasa supernatural. Penjajah melihat alam sebagai sumber yang boleh mendatangkan keuntungan material daripada hasil mineral seperti emas dan bauksit. Ini menyebabkan sumber alam dieksploitasi, hasilnya dibawa balik ke negara mereka tanpa memberi manfaat kepada penduduk tempatan. Aktiviti melombong telah dilakukan dengan rakus tanpa menghiraukan alam semulajadi.

Persaingan intraspesies juga melibatkan persaingan antara masyarakat peribumi dan kuasa supernatural yang dapat dilihat dengan kerap dalam sebahagian besar novel, walaupun novel berkenaan tidak bertemakan tentang hal ini sepenuhnya. Paparan tentang kuasa supernatural ini telah diketengahkan dari sudut budaya dan kepercayaan masyarakat peribumi dalam setiap cara gaya hidup mereka yang

sebahagian besar daripanya lebih bersifat kepercayaan, amalan dan anutan, menyerlahkan tentang interaksi secara berhemah dengan alam dan persekitaran. Mereka sangat taat dengan kepercayaan dan amalan sejak turun temurun menyebabkan timbul rasa takut, patuh dan percaya bahawa kehidupan mereka akan dilindungi oleh para dewa apabila menghormati alam sekitar. Sekiranya berlaku pelanggaran pantang larang, mereka percaya para dewa dan *Jubata* akan marah dan menurunkan bala seperti sakit, kematian, banjir, tanaman yang tidak menjadi dan sebagainya. Jadi, mereka perlu memohon ampun melalui upacara dan ritual tertentu seperti miring dan menyediakan pelbagai bentuk sembahsan seperti ayam jantan, bertih jagung, membaca mentera dan sebagainya. Rasa hormat dan takut menyebabkan masyarakat peribumi berinteraksi sebaiknya dengan alam; tidak mengeksploitasi alam, sebaliknya menggunakan sumber secara berhemah.

Dalam kritikan eko, persaingan menyebabkan berlaku pelanggaran etika. Nilai alam yang tinggi menyebabkan berlaku banyak pelanggaran etika seperti eksploitasi, penindasan, penjajahan dan pencerobohan berbanding pengurusan alam secara lestari seperti pembangunan lestari. Berdasarkan analisis ini, dapat disimpulkan bahawa masyarakat peribumi berhadapan dengan dua konflik dalam interaksi hidup mereka, iaitu bersaing dengan masyarakat luar yang lebih maju dan cuba mengeksploitasi sumber alam dan bersaing dengan kuasa supernatural. Dalam kedua-dua persaingan ini, masyarakat peribumi telah tersingkir dan berada pada pihak yang kalah. Persaingan dengan masyarakat luar menyebabkan sebanyak dua peratus masyarakat peribumi masih mengamalkan cara hidup nomad, manakala persaingan dengan kuasa supernatural pula menyaksikan yang mereka sentiasa ketakutan dalam setiap tindak tanduk dan kehidupan seharian. Walaupun begitu, ketakutan ini menyebabkan mereka berinteraksi secara berhemah dengan alam

berbanding penjajah dan orang luar yang mengeksploitasi sumber alam kerana nilai ekonomi.